


**Jilid IV
Bil. 11**



**Hari Selasa
4hb April, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA [Ruangan 1173]

Y.B. Tuan Chian Heng Kai—Kebenaran Cuti [Ruangan 1173]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1173]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1218]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 1219]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **Menteri Undang-undang, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ **Menteri Pelajaran, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
- DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Mengelembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

Yang Berhormat TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- ” TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.D.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- Yang Berhormat** DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA DATO' NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 4hb April, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-
PERTUAY.B. TUAN CHIAN HENG KAI—
KEBENARAN CUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan Rakyat pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Malaysia kepada Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai dari Batu Gajah selama setahun mulai daripada 1hb April, 1978 kepada 31hb Mac, 1979.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAJLIS KEBUDAYAAN NEGERI

1. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlah bantuan-bantuan yang diberi kepada Majlis-majlis Kebudayaan Negeri-negeri dalam tahun-tahun 1977 dan 1978 dan berdasarkan kepada bantuan-bantuan serta galakan itu apakah satu dasar yang tegas dan tetap. Kementerian dalam memberi inspirasi kepada pertubuhan badan-badan seni kebudayaan seperti seni-silat, seni-drama, seni-sukan, seni-tari, seni-lukis dan lain-lain cabang seni supaya segala corak seni lama dan baru itu tidak kelak akan tergelincir-keluar dari asas-asas garis kebudayaan kebangsaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Saadun bin Muhammad Noh): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1977 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengeluarkan bantuan sebanyak \$212,000 bagi membantu penggalakan dan perkembangan kesenian dan kebudayaan manakala dalam tahun 1978 (hingga bulan Mac) sebanyak \$222,550 telah dikeluarkan. Bantuan yang diberi oleh Kementerian ini dalam usaha mengembangkan kebudayaan adalah dibuat berdasarkan kepada projek yang dikemukakan dan pertimbangan akan dibuat berdasarkan kepada kepentingan dan keutamaan projek-projek itu.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selama ini tidak memberikan bantuan untuk pentadbiran sesuatu badan. Sungguhpun begitu, Kementerian ini sedang berusaha untuk mengadakan kewangannya sebagai bantuan tahunan kepada Majlis-majlis Kebudayaan Negeri dalam masa akan datang. Bantuan-bantuan yang diberikan hingga kini adalah kepada badan-badan, persatuan-persatuan termasuk juga Majlis Kebudayaan Daerah dan Negeri yang telah mengemukakan cadangan untuk menjalankan projek kebudayaan.

Segala permintaan untuk menjalankan kegiatan kebudayaan dalam semua bidang adalah dikaji pada dua peringkat iaitu pada peringkat negeri dan pada peringkat kebangsaan. Tujuannya adalah semata-mata supaya kegiatan-kegiatan itu tidak menyeweleng daripada dasar kebudayaan kebangsaan.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandang kepada jawapan yang telah diberi oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi dan memandang kepada kemahuan yang besar dan hasrat yang berseungguh-sungguh dalam negara ini berkehendakkan supaya kebudayaan dan

kesenian ditambahkan, tidakkah jumlah ini adalah satu jumlah yang sangat kecil?

Dato' Saadun bin Muhammad Noh: Tuan Speaker, bantuan yang diberikan ini sebenarnya adalah merupakan bantuan yang diminta daripada badan-badan yang telah memohon.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

2. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa dadah merupakan musuh dan perosak masyarakat yang sangat merbahaya dan hari ini banyak daripada muda-mudi kita terlibat di dalam penyalahgunaan dadah hinggakan Pusat Pemulihan Dadah tidak mencukupi tempat bagi menampung mereka, dan oleh yang demikian apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian yang berkenaan untuk mengatasi perkara ini; dan
- (b) samada Kementerian yang berkenaan bercadang membina banyak lagi pusat-pusat pemulihan dadah dan setakat hari ini sudahkah rundingan dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mendapatkan tapak untuk membina pusat-pusat pemulihan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin. Soalan ini ditujukan kepada Kementerian Kebajikan Am tetapi dalam urusan Kementerian Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dia?

Tuan Patrick Anek Uren: Jawapan kepada soalan itu:

- (a) Langkah-langkah yang diambil ialah:
 - (i) Pindaan telah dibuat kepada Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dalam tahun 1977 untuk memberi kuasa tambahan kepada Mahkamah, iaitu selain dari kuasa penghantar penagih dadah ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah, Mahkamah boleh juga memerintah supaya penagih dadah itu

diletakkan di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat selama dua tahun. Dan untuk membantu Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam kerja-kerja seliaan, Menteri Kebajikan Am boleh juga melantik Jawatan-kuasa Pemulihan peringkat negeri dan peringkat daerah.

- (ii) Usaha untuk mencegah dan membentasi penyalahgunaan dadah di kalangan muda-mudi merupakan satu rancangan berintegriti yang diselenggarakan oleh Pusat Biro Narkotik. Untuk ini seorang pegawai dari Kementerian Kebajikan Am telah dipinjamkan ke Biro tersebut.
- (iii) Penglibatan masyarakat juga digalakkan menerusi pertubuhan sukarela iaitu PEMADAM. Perkhidmatan ini telah menubuhkan cawangan-cawangannya di peringkat negeri dan daerah di seluruh negara.
- (iv) Tindakan telah diambil oleh Kementerian Kebajikan Am untuk membesarkan Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru dan menambahkan had muatannya dari 160 kepada 300 orang penghuni.
- (v) Kerja-kerja juga sedang dijalankan untuk mengubahsuaikan Hospital Daerah Besut menjadi Pusat Pemulihan Dadah yang akan menampung seramai 133 orang penghuni.
- (b) Memang ada cadangan untuk membina beberapa Pusat Pemulihan Dadah lagi tetapi ini belum dapat dipastikan sehingga Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Sementara itu rundingan sedang dibuat dengan Negeri-negeri yang berkaitan tentang kemungkinan mendapat tapak tanah.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan ada mengatakan di dalam jawapannya kepada soalan 2 (b) bahawa ada rancangan untuk mengada dan menambahkan pusat-pusat pemulihan. Dari itu, saya ingin mengetahui jika rancangan ini belum

diadakan lagi memandangkan kepada jani yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sendiri di dalam Dewan yang mulia ini di dalam penggal yang lampau bahawa Kementeriannya mungkin akan dapat membantu individu-individu ataupun badan-badan yang mengadakan sendiri pusat-pusat pemulihan dadah yang telah membuktikan kejayaannya memulihkan penagih-penagih dadah mengapa maka tidak Jawatankuasa Pemulihan Dadah yang ditubuhkan di peringkat negeri itu membantu badan-badan ataupun individu-individu tersebut.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, masalah penagihan dadah ini adalah masalah yang baru timbul di negara kita dan kajian sedang dibuat sekarang ini bagaimana cara yang benar-benar berfaedah dan bermakna kepada penagih ini dan untuk menyelesaikan masalah keseluruhannya. Keadaan sekarang kerana baru timbul di negara kita individu-individu yang sedang membuat atau berusaha untuk memberi fahamannya kepada masalah ini seperti di Ipoh, satu tempat di mana penagih-penagih dadah ada tinggal di situ dan PEMADAM pun berusaha dalam masalah ini. Kementerian pada bila-bila masa sahaja yang boleh memang memberi bantuan tetapi bantuan ini tidak seharusnya diberi kepada individu sebelum sahaja kajian ataupun pengiraan dibuat bahawa samada benar atau tidak tindakan yang digunakan oleh sesuatu individu itu berhasil.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada menyatakan bahawa langkah-langkah untuk memberi kesedaran di dalam penyalahgunaan dadah ini perlu diambil perhatian. Dalam perkara ini boleh dikatakan masyarakat di dalam masalah menghadapi penyalahgunaan dadah ini telahpun menyedari pada hakikatnya bahawa perkara penyalahgunaan dadah ini adalah merupakan perosak masyarakat. Apa yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini sedangkan masyarakat menyambut dan menyahut baik atas seruan Kerajaan untuk menghapuskan penghisap dadah ataupun penyalahgunaan dadah yang ada sekarang ini, tetapi malangnya apa yang timbul pada hari ini ialah tempat-tempat

ataupun pusat-pusat yang ada sekarang ini tidak mencukupi dan apakah cara-cara untuk mengatasi keadaan sekarang ini?

Tuan Patrick Anek Uren: Jawapan kepada kekurangan tempat telahpun diberi oleh saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

DRAMA TERBITAN TEMPATAN DI TV

3. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan drama yang ditayangkan di TV dalam masa sebulan dan adakah setiap skrip drama dan filem drama berkenaan ditapis terlebih dahulu oleh satu badan sebelum ianya ditayangkan. Jika ya, adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah filem drama yang ditunjukkan kurang memaparkan kegiatan-kegiatan Kerajaan di bidang pembangunan Negara.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai drama terbitan tempatan dan tidak melibatkan drama-drama terbitan asing seperti "Peyton Place". Jika demikian jawapan kepada soalannya ialah pada masa sekarang ada lapan drama yang disiarkan setiap bulan. Skrip dalam filem mengenai drama-drama terbitan tempatan adalah ditelitikan terlebih dahulu oleh pihak RTM. Saya sedar bahawa setengah-setengah filem drama itu kurang memaparkan kegiatan-kegiatan Kerajaan di bidang pembangunan negara. Kekurangan seperti itu sedang diperbaiki samada menerusi drama-drama tempatan ataupun rancangan-ancangan lain seperti Peristiwa. Kegiatan-kegiatan Kerajaan di bidang pembangunan negara khusus disiarkan dalam rancangan pembangunan dan rancangan-ancangan Hal Ehwal Awam.

BARANG-BARANG DILARANG KE SABAH

4. Tuan Au How Cheong (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan sungguhpun setiap barang-barang di

bawah senarai barang-barang dilarang (prohibited items list), yang diperbuat di Semenanjung Malaysia dan dikirimkan ke Sabah dan Sarawak memerlukan satu "bond" yang dihantarkan kepada Kastam Malaysia sebelum membuat pengiriman itu, yang mana Bond itu diketahui boleh digunakan dengan berputar dan Jabatan Kastam di pelabuhan mendarat patut menghantarkan Borang 3 Kastam (Customs Form 3) balik ke Jabatan Kastam di pelabuhan mendarat supaya mengesahkan barang-barang itu telah diterima dan bond itu kemudian diambil balik atau digunakan untuk pengiriman-pengiriman yang lain. Walau bagaimanapun banyak kejadian-kejadian yang menunjukkan Borang 3 Kastam itu tidak dihantar balik dan hal ini telah menyebabkan kelambatan yang tidak perlu dalam pengiriman-pengiriman yang berikutan ataupun bond-bond baru patut dilekatkan, perkara ini telah menyebabkan kesusahan dan kebuntuan (hold-up) modal-modal syarikat-syarikat pembuatan yang kecil di Semenanjung Malaysia. Bolehkah Menteri itu menyasiat sebab-sebab menjadikan kelambatan menghantar balik Borang 3 Kastam itu dan mengambil langkah-langkah supaya membetulkan keadaan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum semenjak diselaraskan Undang-undang Kastam di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, sesuatu barang buatan Semenanjung Malaysia yang dilarang pengeksportannya memerlukan "bond" jika hendak dihantar ke Sabah atau Sarawak. Peraturan seperti ini telah dikuatkuasakan untuk menjamin barang tersebut tiba di destinasi di Sabah dan Sarawak dengan betul. Walau bagaimanapun, bond yang diperlukan itu bukanlah jaminan bank ataupun jaminan tunai (cash bond) yang boleh menyebabkan kebuntuan modal syarikat-syarikat berkenaan seperti yang dinyatakan.

Adalah tidak dinafikan ada kalanya Borang-borang Kastam No. 3 itu terlewat dihantar balik ke stesyen-stesyen kastam di Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan sistem baru ini mengambil masa untuk memahaminya, bukan sahaja bagi pihak awam bahkan juga stesyen-stesyen kastam yang berkenaan. Namun demikian, kelewatan atau kebuntuan modal seharusnya

tidak timbul bagi syarikat-syarikat berkenaan menyediakan satu bond baru untuk pengiriman berikutnya yang tidak melibatkan jaminan bank mahupun jaminan tunai. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telahpun diambil bagi membereskan penghantaran Borang Kastam No. 3 daripada stesyen-stesyen kastam di Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia supaya masalah ini tidak timbul lagi di masa hadapan.

BANK-BANK ASING

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat banyak bank-bank asing di negara ini tidak menjalankan sepenuhnya pinjaman kepada pekedai-pekedai runcit Bumiputra yang tinggal di luar bandar di bawah Sekim Pinjaman Jaminan Kredit. Bolehkah beliau memberitahu Dewan yang mulia ini apakah tindakan yang sedang diambil supaya dapat diperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, semua bank-bank dagang berlesen yang menjalankan perniagaan di Malaysia adalah dikehendaki memberi pinjaman sekurang-kurangnya 10% daripada simpanan tabungan mereka ("savings deposits") sebagai pinjaman-pinjaman kecil di bawah sekim jaminan pinjaman yang dijalankan oleh Perbadanan Jaminan Kredit. Pada keseluruhannya pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh perusahaan bank di bawah sekim ini telahpun melebihi keperluan 10% seperti yang dikehendaki, sungguhpun 22 buah bank, yang mana 12 daripadanya bank-bank asing, tidak dapat memenuhi keperluan 10%. Walaupun demikian, mengikut maklumat yang diperolehi jumlah pinjaman kepada pekedai-pekedai runcit amatlah menggalakkan seperti angka yang dapat saya sebutkan di bawah ini:

- (i) Pekedai-pekedai runcit Bumiputra—\$27.1 juta (51%)
- (ii) Pekedai-pekedai runcit bukan bumiputra—\$26.0 juta (49%)

Pada hujung bulan Januari tahun ini bank-bank dagang sebagai satu kumpulan telahpun memberi pinjaman kepada lebih 6,000 (71%) pekedai-pekedai runcit Bumiputra dan 2,401 (29%) pekedai-pekedai runcit yang bukan

Bumiputra. Semua bank-bank dagang juga dikehendaki memberi pinjaman sekurang-kurangnya 12% daripada jumlah pinjaman dan pendahuluan ("loans and advances") mereka kepada Bumiputra sebelum 30hb Jun, 1978. Di samping itu bank-bank dagang telah diarahkan memberi pinjaman sekurang-kurangnya 20% daripada tambahan bersih jumlah pinjaman dan pendahuluan kepada Bumiputra sebelum 30hb Jun, 1978. Manamana bank dagang yang gagal mematuhi peraturan yang disebutkan di atas sehingga 30hb Jun, 1978 akan diberi tempoh lanjutan selama enam (6) bulan untuk mematuhi peraturan itu. Selepas tempoh lanjutan itu, bank yang masih gagal mematuhi peraturan tersebut akan dikenakan denda oleh Bank Negara Malaysia.

AKHBAR MENERUHKAN KEADAAN POLITIK

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa setengah-setengah akhbar di negeri ini mengambil peluang mengeruhkan keadaan politik di negeri ini. Jika ya, nyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap akhbar-akhbar yang berkenaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini bersama-sama dengan pihak Polis sentiasa meneliti dan mengkaji akhbar-akhbar tempatan dan daripada laporan-laporan yang diterima daripada pihak-pihak berkuasa, setakat ini tidak ada akhbar yang mengeruhkan keadaan politik di negara ini.

Kementerian ini adalah bertanggungjawab dan mengambil tindakan tegas ke atas akhbar-akhbar yang membuat liputan berita atau menyiar rencana-rencana yang boleh menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam dan merosakkan akhlak.

PENTADBIRAN PEJABAT TANAH

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar bahawa jentera pentadbiran di Pejabat-pejabat Tanah

pada masa ini tidak memuaskan, terutamanya mengenai kelambatan dalam mengendalikan permohonan-permohonan untuk penukaran dan pemecahan tanah, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil ke atas masalah ini dan memperbaiki sistem pentadbiran di semua pejabat tanah.

Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa jentera pentadbiran tanah di Pejabat-pejabat Tanah perlu diperbaiki. Kementerian ini boleh menentukan sebab-sebab mengapa ia menjadi demikian. Antara sebab-sebabnya ialah:

- (1) Kuantiti atau beban kerja semakin bertambah.
- (2) Kualiti kerja bertambah sedangkan pegawai-pegawai tidak mencukupi. Sekarang ini Kementerian saya sedang menjalankan satu kajian menyeluruh tentang beban kerja dan bilangan pegawai. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga, untuk mengatasi kekurangan pegawai ini Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan sedang mengadakan perbincangan dengan pihak J.P.A. (Jabatan Perkhidmatan Awam) dan harus akan memberi hasil yang baik.
- (3) Pegawai-pegawai yang ada pula kekurangan pengalaman. Untuk mengatasi ini, Kementerian saya mengadakan kursus-kursus pentadbiran tanah. Sehingga sekarang sudah dua kursus diadakan, di INTAN, Kuala Lumpur. Sejumlah 46 pegawai tanah diberi latihan.

Selain daripada itu, Kementerian ini juga sudah dapat menyediakan satu "Buku Panduan" kepada Pegawai-pegawai Tanah. Panduan itu akan dapat diedarkan kepada pegawai-pegawai tanah pada pertengahan bulan April tahun 1978 ini selewat-lewatnya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini samada beliau sedar bahawa oleh kerana terdapat kelambatan dalam mengendalikan permohonan-permohonan tanah maka ramai pembeli-pembeli tanah untuk tapak rumah telah ditindas oleh pihak

pengusaha-pengusaha tanah yang telah mengiklankan dalam suratkhbar tentang perkara penjualan tanah itu. Jika beliau sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk membela nasib pembeli-pembeli tanah itu?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar perkara itu ada berlaku tetapi bukanlah tanggungjawab Kementerian ini seluruhnya. Ini berkaitan juga dengan Kementerian Perumahan. Oleh yang demikian, saya rasa pihak tuan rumah atau pembeli tanah itu boleh melalui Kementerian Perumahan juga bagaimana caranya mereka boleh mendapat hakmilik itu. Tetapi bagi hakmilik tanah berbilang tingkat umpamanya, Kementerian ini sudahpun meminda undang-undang dan sekarang boleh bila-bila masa tuan tanah atau pengusaha-pengusaha bangunan itu meminta untuk mendapat hakmilik dan pegawai-pegawai tanah telahpun diberitahu dan diberi latihan yang cukup bagi mendapat hakmilik seperti itu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui dengan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimanakah Kementerian membuat segala pertukaran ini sedangkah pernah dijawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa hal-hal pentadbiran harian tanah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, dan sekarang ini Pejabat-pejabat Tanah pun adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi, apakah cara Kementerian ini hendak membuat sebarang pertukaran, sebarang kajian dan sebagainya jikalau pentadbiran tanah itu adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, caranya ialah kita bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagaimana cara hendak mengatasi soal itu, umpamanya, Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan menguasai di Pejabat-pejabat Tanah dan pegawai-pegawainya dan mereka ini sentiasa berunding dengan pihak pegawai tanah di negeri, bagaimana cara hendak membaiki latihan ataupun kerja di Pejabat Tanah. Tetapi dalam hal yang besar, umpamanya, memproses permohonan tanah itu bukanlah hak Kementerian ini—itu hak Negeri. Kalau terdapat kelambatan di sana maka itu

bukanlah salah Kementerian ini di dalam kelambatan untuk mendapat hakmilik seperti itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa satu jawatankuasa sedang membuat kajian samada kakitangan cukup atau tidak. Saya ingin bertanya mengapakah jawatankuasa ini sekarang membuat kajian, padahal tiga tahun yang sudah dalam Dewan yang mulia ini juga, Kementerian ini mengaku bahawa kakitangan dalam Jabatan Tanah ini kurang. Soal yang kedua, bilakah jawatankuasa ini akan siap kajian yang sedang dijalankan sekarang.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Saya minta tolong ulang semula soal yang pertama itu tidak berapa terang.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa satu jawatankuasa sedang membuat kajian. Jadi, saya ingin bertanya mengapakah sekarang baru sedang dibuat kajian, padahal tiga tahun yang sudah dalam Dewan yang mulia ini juga pihak Kementerian ini telah mengaku bahawasanya ada kekurangan kakitangan dalam Pejabat Tanah yang menyebabkan kelambatan dan kelewatan. Yang kedua, bilakah kajian yang sedang dibuat ini akan siap dan bentuk cara manakah kajian yang sedang dibuat sekarang ini?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang telah saya katakan dahulu masalah tanah bukanlah satu perkara yang boleh senang diselesaikan dalam masa yang singkat. Apabila kita buat kajian, boleh jadi kajian itu pun dari semasa ke semasa belum selesai sebab masalah pegawai tanah bukan kuasa Kementerian ini. Untuk mengambil pegawai setengah-setengah negeri ialah kuasa Kerajaan Negeri itu sendiri dan setengahnya itu kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Tiap-tiap tahun kita meminta tambahan pegawai, barangkali kalau kita minta 20, barangkali cuma dapat 5 orang dan beban kerja dari setahun ke setahun bertambah lagi. Begitu lah yang berlaku. Jadi, sekarang kita minta Pengarah Tanah dan Galian berunding dengan cara menyeluruh menyelesaikan lagi masalah ini. Bukan bermakna satu tahun

tidak berhasil kita telah berhenti, tetapi hendaklah menyeluruh di mana tempat-tempat yang betul kedapatan kekurangan pegawai dan berapa pegawai yang kita hendak, kita sedang berunding dan harus saya rasa kita boleh dapat hasil yang baik untuk menambahkan pegawai-pegawai.

Tentang masa hendak diberitahu bila perkara itu selesai, saya dukacita pada masa ini tidak dapat diberitahu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan P.T.G. itu adalah di bawah kuasa Kementerian Tanah. Ini saya bersetuju, tetapi saya jangka Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentulah sedar bahawa keputusan muktamad adalah terpuang kepada Exco Negeri. Jadi, di sini saya ingin mengetahui adakah benar-benar Kementerian Tanah ini mempunyai pengaruh di atas Exco Negeri dan adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga sedar bahawa selain daripada kekurangan pegawai, kelambatan dan sebagainya juga melibatkan dasar Kerajaan Negeri sendiri

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Maran pun tentu sedar perkara ini pun sudah bangkit dalam Dewan ini beberapa kali iaitu kerjasama dengan negeri melalui Majlis Tanah Negara dan sebagainya sudah dijawab dalam Dewan ini. Saya ingat tidak usahlah habiskan masa kita dengan perkara yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa kajian dibuat mungkin tidak sesuai dan sebagainya, sebab itulah mengambil masa. Saya ingin bertanya, adakah kemungkinan bahawa sebab kelambatan yang berlaku sekarang ialah kerana tenaga pegawai-pegawai ini digunakan untuk membuat kajian demi kajian.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Itu soalan lain.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Oleh kerana jawapan Setiausaha Parlimen tadi membayangkan lebih kurang 3 tahun dahulu sudah dibuat kajian sehingga sekarang belum selesai dan

saya dapat faham Setiausaha Parlimen yang berkenaan dan juga Menteri yang berkenaan adalah orang baru. Adakah ini membayangkan kegagalan Menteri yang dahulu iaitu President PAS dalam perkara ini?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Saya tak mahu jawab.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dahulu Yang Berhormat bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ada menyatakan bahawa Kementerian beliau bercadang untuk menggubal dan membentangkan satu Rang Undang-undang di dalam Dewan ini untuk menentukan bahawa pembeli-pembeli tanah untuk tapak rumah tidak akan ditindas oleh pihak pengusaha dan berhubung dengan hal ini, saya ingin tahu bilakah Rang Undang-undang yang berkenaan itu boleh digubal dan dibentangkan di dalam Dewan ini?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, itu terpuanglah kepada Majlis Tanah Negara yang boleh meminda undang-undang tanah, dengan demikian saya tidak dapat hendak memberitahu yang sebenarnya berkenaan dengan hal itu, tetapi kalau ada perkara ini berbangkit juga kita boleh berunding dengan Kementerian Perumahan mengenai kedudukan perkara ini dan kita boleh memberitahu pihak yang berkenaan supaya perkara itu difikirkan dari semasa ke semasa.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dalam semua urusan tanah ini segala tanah adalah di bawah pentadbiran Pejabat Pegawai Daerah yang terdapat di seluruh negara kita kecuali negeri Johor sahaja yang telah dipisahkan antara Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada menerangkan bahawa Menteriannya sedang membuat kajian dari segi kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan di pejabat tanah yang ada terlibat dengan urusan-urusan tanah ini. Saya ingin mendapat tahu adakah Kementerian yang berkenaan ini di dalam membuat kajian selain daripada mengkaji kedudukan kekurangan pegawai dan kakitangan ada ataupun tidak rancangan bagi mencadangkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya urusan tanah ini juga dipisahkan dari Pejabat Daerah dan juga ditubuhkan suatu pejabat lain iaitu Pejabat Tanah dengan

tujuan untuk memudahkan untuk dapat memperkemaskan lagi kedudukan bagi memproseskan segala permohonan tanah.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Perkara ini merupakan satu polisi dan kita akan timbangan, sementara itu memang kita berhasrat mencari jalan bagaimana hendak memudahkan kerja-kerja di pejabat tanah. Kalau itu merupakan satu cara yang boleh memudahkan harus Kementerian ini tidak ragu-ragu untuk menimbangkan.

PASUKAN MENCEGAH KEMALANGAN JALANRAYA

8. Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan samada Unit Khas yang dibentuk oleh Polis Di Raja Malaysia untuk mencegah kemalangan akan menyiasat mutu kereta-kereta yang dipasang di Malaysia (locally assembled) disebabkan oleh angka-angka kemalangan menunjukkan sebilangan besar daripada kereta-kereta yang terlibat di dalam kemalangan adalah jenis kereta Jepun yang dipasang di sini (Malaysia).

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Polis Di Raja Malaysia telah mengadakan Pasukan Mencegah Kemalangan bagi menguatkuasakan undang-undang lalu-lintas terhadap seluruh pengguna jalanraya tetapi tidak ada pasukan khas untuk mencegah dan menyiasat kemalangan berkaitan dengan mutu-mutu kereta yang dipasang di Malaysia (locally assembled).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan mutu kereta-kereta tersebut adalah dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama Bahagian Teknik di Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak SIRIM. Pemeriksaan ke atas kereta-kereta yang dipasang ialah mengikut undang-undang di bawah Construction and Use Rules, 1959.

PENTADBIRAN KERAJAAN

9. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi:

- (a) menentukan bahawa janji-janji dan matlamat-matlamat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan ditunai; dan
- (b) menyenggarakan suatu pentadbiran yang bersih, jujur dan cekap sebagaimana yang telah diikrarkan oleh Perdana Menteri dalam Perutusan Tahun Baru 1978.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a), Kerajaan adalah sentiasa memberi perhatian khas supaya segala rancangan pembangunannya mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ialah:

- (i) menambahkan kakitangan-kakitangan dan keupayaan jabatan-jabatan yang terlibat di dalam rancangan-rancangan pembangunan.
- (ii) menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai fungsi untuk menguatkan struktur pentadbiran dan perancangan tenaga manusia dalam jentera pembangunan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Unit ini juga ditugaskan untuk memperbaiki dan memodenkan sistem dan tatacara pentadbiran di peringkat operasi supaya mempercepatkan proses-proses pembangunan.
- (iii) mengadakan satu Sistem Pengesanan Projek dengan komputer. Sistem Pengesanan ini yang diwujudkan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, membolehkan Kerajaan mengesan projek-projek yang dijalankan dengan lebih sempurna serta menentukan langkah-langkah yang perlu diambil bagi melicinkan lagi pelaksanaan projek-projek pembangunan.
- (iv) mengadakan Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga (Mid-Term Review). Kajian ini sedang diusahakan dan tujuannya ialah untuk mengetahui setakat mana Kerajaan telah dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan berbanding dengan matlamat-matlamat di bawah Rancangan

Malaysia Ketiga. Di mana terdapat kelemahan atau kekurangan, maka Kerajaan dapatlah mengambil langkah-langkah bagi memperbaikinya.

Semua langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan itu adalah bertujuan untuk menentukan bahawa matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dapat dicapai. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (b), memang telah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan bahawa pentadbirannya adalah bersih, jujur dan cekap. Kerajaan telah lama menyedari bahawa kecekapan dan kejujuran di dalam jentera pentadbiran adalah faktor yang penting sekali untuk menjayakan sesuatu projek yang dirancangkan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum, terdapat berbagai agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan, yang samada secara langsung ataupun tidak, menjalankan perancangan dan penyelarasan serta penilaian terhadap semua pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Satu peranan penting agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan itu ialah untuk menjalankan pentadbiran yang jujur, bersih dan cekap.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan pentadbiran yang jujur, bersih dan cekap itu ialah:

- (a) menambahkan kecekapan dan kemahiran pegawai-pegawai Kerajaan melalui latihan-latihan secara teori dan praktikal di dalam bidang pentadbiran yang dijalankan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Di mana perlu, pegawai-pegawai juga dihantar ke luar negeri untuk mendapatkan latihan.
- (b) dengan mengujudkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (U.P.T.M.) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, maka kecekapan sistem pentadbiran serta penyelarasan jentera pentadbiran Kerajaan akan bertambah baik lagi.
- (c) menjalankan kawalan tatatertib pegawai Kerajaan khususnya melalui peraturan-peraturan jabatan dan dengan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Am Bab "D" iaitu disiplin akan menjamin bahawa pentadbiran Kerajaan adalah bersih dan jujur. Kerajaan adalah

menyemak dan mengkaji semula dari masa ke semasa peraturan-peraturan tersebut bagi memastikan bahawa pegawai-pegawai menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan kejujuran.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kalau dalam kajian semula (Mid-Term Review) untuk Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang diadakan ada apa-apa kelemahan atau kesalahan yang timbul (uncovered) kelemahan dan kesalahan tersebut akan dibentangkan ke Dewan ini dan tidak akan dipapered over?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itulah tujuan kita mengadakan kajian pertengahan (Mid-Term Review) supaya kita mengetahui kelemahan-kelemahan dan kelalaian-kelalaian ataupun perkara yang lain dan ini, bagaimana yang kebiasaan kita, kita akan menyampaikan kepada Dewan ini.

CUKAI BUAH-BUAHAN DIIMPOT

10. Datuk Albert Mah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa sejak cukai dikenakan ke atas buah-buahan yang diimpot, harga buah-buahan tempatan telahpun dinaikkan lebih dari 300%. Misalnya buah-buahan pisang dan betik. Terdapat juga kekurangan buah-buahan tempatan di pasaran tempatan;
- (b) adakah beliau sedar bahawa pengimpot-pengimpot buah-buahan sedang mengimpot buah-buahan yang rendah mutunya, buah-buahan di mana penanam-penanam di negeri itu biasanya mengeneipkan untuk dibuang begitu sahaja oleh kerana buah-buahan itu adalah tidak menjadi ekonomikal untuk diekspotkan misalnya epel dan limau; dan
- (c) adakah beliau akan mengecualikan cukai pengimpotan buah-buahan supaya orang-orang yang miskin dapat juga menikmati buah-buahan ini untuk menambahkan makanan mereka dengan Vitamin C yang sangat-sangat diperlukan oleh badan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan harga bagi sesuatu barang adalah disebabkan oleh permintaan yang berlebihan dan mungkin juga pengeluaran yang tidak mencukupi. Oleh itu kenaikan harga buah-buahan tempatan mungkin disebabkan oleh kedua-dua faktor tersebut. Mungkin benar bahawa harga setengah buah-buahan tempatan telah naik lebih dari 300% jika dibandingkan dengan paras harga dalam tahun enam puluhan dahulu, tetapi kenaikan tersebut tidaklah semata-mata disebabkan oleh cukai yang telah dikenakan ke atas buah-buahan yang diimpot. Permintaan yang berlebihan atau pengeluaran yang tidak mencukupi dan juga kenaikan belanja hidup yang telah dialami beberapa tahun yang lalu telah menyebabkan paras harga buah-buahan tempatan meningkat. Dengan adanya kenaikan harga ini adalah diharapkan pendapatan petani yang menanam buah tempatan ini telah meningkat juga dan ini haruslah memberi galakan pada mereka untuk menambah pengeluaran pada tahun-tahun yang akan datang. Keadaan iklim dan cuaca juga memainkan peranannya yang penting dalam penentuan jumlah pengeluaran buah-buahan tempatan dan seterusnya harga di pasaran.
- (b) Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah dapat saya sahkan. Jika benar mutu buah-buahan yang diekspot dari luar negeri rendah mutunya, saya berpendapat ianya sukar mendapat pasaran luar seperti di Malaysia. Pihak pengimpot buah-buahan negara ini juga sudah tentu tidak akan membawa masuk buah-buahan tersebut, yang rendah mutunya kerana ini boleh merugikan mereka. Pihak Kerajaan pula tidaklah dapat menghalang kemasukan buah-buahan seperti epel dan limau jika penduduk negara ini masih mengemarinya.
- (c) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum cukai yang dikenakan atas buah-buahan adalah untuk menggalakkan penduduk negara ini makan lebih banyak buah-buahan tempatan dan di

samping itu juga dapat menambah pendapatan petani-petani yang mengusahakan tanaman buah-buahan tempatan. Petani-petani patutlah mengambil peluang ini bagi menambahkan pengeluaran buah-buahan tempatan. Adalah wajar difikirkan bahawa mereka yang miskin dan berpendapatan rendah sepatutnya lebih memakan buah-buahan tempatan yang tidak kurang kandungan Vitamin C dari buah yang diimpot. Tambahan pula langkah mengenakan cukai yang tinggi ini juga dapat menyekat pengaliran keluar pertukaran wang asing.

PETRONAS—LESEN KEPADA BUMIPUTRA

11. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk bertanya kepada Perdana Menteri berapa banyakkah lesen telah dikeluarkan oleh Petronas kepada Bumiputra di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 seperti berikut:

- (a) daripada 116 lesen yang dikeluarkan kepada Syarikat-syarikat yang membekal perkakas, barangan, dan yang memberi perkhidmatan kepada syarikat-syarikat carigali minyak, berapa banyakkah lesen yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra;
- (b) daripada 8 lesen untuk memproses, menapis, dan mengeluarkan petroliam (atau) bahan-bahan petrokimia, berapa banyakkah lesen yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra; dan
- (c) mengenai lesen pemasaran termasuk pengedaran dan pemasaran petroliam, berapa banyakkah lesen telah dikeluarkan kepada Bumiputra.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a), daripada sejumlah 116 lesen yang dikeluarkan oleh Petronas itu, pembahagiannya ialah:

Bumiputra	54
Bukan Bumiputra	26
Syarikat-syarikat asing	36
				116

Syarikat-syarikat asing itu, adalah yang daftarkan di Malaysia dan juga yang ada penyertaan Bumiputra dari segi equiti sebagaimana ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Berkenaan dengan soalan (b), bilangan syarikat-syarikat yang telah diberi lesen memproses dan mengeluarkan petroliaam atau bahan-bahan petro-kimia adalah seperti berikut:

<i>Syarikat Memproses/Mengeluar</i>		<i>(Bahan petro-kimia)</i>	
Bumiputra	2
Bukan Bumiputra	2
<i>Syarikat Mengeluar petroliaam</i>			
Bumiputra	Tiada
Syarikat minyak asing	4

Keempat-empat syarikat asing itu menjalankan operasi bersama Petronas mengikut Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Agreement). Syarikat-syarikat itu ialah Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Company Limited, Pecten Malaysia Company dan Esso Production Malaysia Incorporated.

Berkenaan dengan soalan (c), setakat ini sejumlah 1,240 lesen telah dikeluarkan oleh Petronas untuk memasar atau mengedar petroliaam dan keluaran-keluaran petroliaam, iaitu.

Bumiputra	164
Bukan Bumiputra	1,076
			1,240

Sebahagian besar daripada lesen yang dikeluarkan adalah kepada pengedar-pengedar runcit yang menjalankan perniagaan secara berkeluarga dan mempunyai unit perniagaan yang kecil. Kebanyakan daripada syarikat-syarikat ini telah menjalankan perniagaan masing-masing sebelum 1hb April, 1975, iaitu tarikh lesen perniagaan Petroliaam mula-mula dikeluarkan di bawah Akta Kemajuan Petroliaam, 1974.

PENYERTAAN 30% BUMIPUTRA

12. Tuan Mustapha bin Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra tetapi tidak diambil bagi tahun 1975, 1976 dan 1977. Kenapa;
- (b) apakah kesannya kepada pencapaian 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman):
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah saham syarikat-syarikat perkilangan yang dilaksanakan yang diperuntukkan kepada Bumiputra tetapi telah tidak diambil bagi tahun 1975 dan 1976 ialah sebanyak \$49.5 juta. Angka bagi tahun 1977 masih belum didapati lagi. Di antara sebab-sebab mengapa saham-saham tersebut tidak dibeli oleh Bumiputra ialah:

- (i) syarikat-syarikat itu ialah syarikat sendirian berhad yang mana saham-sahamnya tidak dipasarkan di pasar saham dan oleh itu likuiditi saham-saham tersebut adalah terhad;
- (ii) kemajuan atau "profitability" syarikat-syarikat tersebut belum dapat dipastikan dengan jelas oleh kerana ianya masih baru dilaksanakan; dan
- (iii) keyakinan pelabur-pelabur Bumiputra di atas syarikat-syarikat sendirian berhad adalah kurang oleh kerana risiko pelaburan di dalam syarikat-syarikat jenis ini adalah tinggi di samping perlunya mereka mengambil masa yang lebih lama untuk mendapatkan apa-apa keuntungan.

(b) Oleh kerana jumlah saham yang tidak dibeli dengan sepenuhnya oleh Bumiputra di dalam tahun-tahun tersebut itu tidak berapa banyak iaitu hanya \$49.5 juta daripada \$87.4 juta yang dikhaskan, maka ianya mungkin tidak akan menjejaskan pencapaian 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang ini.

Tuan Mustapha bin Ali: Kalau tidak silap pendengaran saya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa \$49.5 juta itu satu angka yang kecil daripada jumlah \$87.4 juta. Kalau dilihat di sini merupakan suatu angka yang lebih kurang 50% daripada angka sebenarnya yang telah dikhaskan. Jadi, apakah cadangan akan dibuat oleh Kerajaan mengenai saham yang telah dikhaskan yang tidak diambil itu supaya saham-saham ini akan diambil oleh bumiputra ataupun ada satu cadangan yang lain selain daripada itu.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada cadangan-cadangan tertentu yang masih lagi di dalam perbincangan bagaimana hendak melaksanakan pengambilan saham-saham yang belum diambil oleh Bumiputra.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, masalah saham yang tidak diambil oleh Bumiputra yang telah dikhaskan untuk mereka ini merupakan satu masalah yang telah bertahun-tahun sejak 3-4 tahun telah lalu. Apakah sejak 3-4 tahun yang telah lalu itu tidak ada suatu cadangan untuk menyelesaikan masalah saham yang tidak diambil itu.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah satu perkara yang tidak boleh dilaksanakan oleh Kerajaan seperti saya katakan tadi; memang kita ada rancangan-rancangan yang tertentu. Tetapi sehingga ini seperti saya sebutkan tadi ialah kebanyakan saham-saham yang dikhaskan ini adalah daripada syarikat-syarikat sendiri berhad dan ada sebab-sebabnya oleh kerana risiko-risiko dan oleh kerana rekod sesuatu syarikat itu tidak dapat dipastikan maka sukarlah bumiputra itu mengambil peluang-peluang ini oleh kerana terhadnya kumpulan modal dari kaum bumiputra.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan sesuatu rancangan tertentu yang akan dibuat oleh pihak Kementerian. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan apakah rancangan tertentu yang dicadangkan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum hendak menerangkan, fasal itu disebut yang tertentu sahaja.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, telahpun diisytiharkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana tabung khusus untuk bumiputra telahpun diperuntukkan.

TRIP COMMISSION KEPADA PEMANDU LORI

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu daripada sebab

berlakunya kemalangan jiwa ialah bayaran trip commission kepada pemandu lori. Pemandu terpaksa menjalankan lori itu seberapa cepat untuk mendapatkan commission yang banyak. Jika ya, samada Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk menyekat atau mengharamkan kontrek yang dibuat secara begini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sistem bayaran trip commission kepada pemandu-pemandu lori boleh menyebabkan pemandu-pemandu lori membawa lori dengan seberapa cepat dan ini telah menjadi salah satu daripada punca-punca berlakunya kemalangan jalanraya. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diadakan undang-undang untuk menyekat atau mengharamkan kontrek yang dibuat secara begini adalah diambil perhatian.

SENJATAPI DALAM KAPALTERBANG

14. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Haji Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan, samada Kerajaan sedar bahawa pada masa sekarang MAS (Malaysia Airline System) tidak lagi mahu menerima senjatapi yang dibawa oleh penumpang-penumpang yang menaiki kapalterbang Fokker Friendship dan adakah ini bermakna bahawa penumpang-penumpang dibenarkan membawa senjatapi mereka apabila menaiki kapalterbang dan apakah langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian yang tidak ingini berlaku ke atas kapalterbang-kapalterbang MAS di masa hadapan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin Shariff): Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang, senjatapi tidak boleh dibawa di dalam kapalterbang. Senjata-senjatapi itu jika hendak dibawa hendaklah mengikut aturan iaitu dengan diasingkan peluru daripada senjata dan dimasukkan di dalam petak bagi menyimpan barang-barang biasa dan tidak di dalam kabin penumpang-penumpang. Pihak MAS telahpun berikhtiar untuk mengadakan tempat khas bagi menyimpan senjata dan peluru di dalam kapalterbang Fokker Friendship, dan pada masa ini setengah-setengah kapalterbang itu telahpun mempunyai petak yang

tersebut, dan penumpang-penumpang bolehlah membawa senjata-senjata mengikut aturan itu. Ada kemungkinan yang berlaku bahawa penumpang-penumpang hendak membawa senjata mengemudi kapal terbang F27 yang belum lagi mempunyai petak yang tersebut, dan oleh itu mereka tidaklah boleh membawa senjata itu melainkan dengan cara mengasingkan peluru daripada senjata dan kedua-duanya hendaklah dimasukkan dalam beg untuk disimpan dalam petak simpanan barang-barang biasa dalam kapal terbang itu. Walau bagaimanapun, semua kapal terbang-kapal terbang MAS jenis F27 akan mempunyai petak-petak yang berkenaan itu mula pada pertengahan bulan April, 1978 dan adalah diharapkan perkara ini tidak lagi berbangkit.

PELAJARAN KEPADA ANAK PEKEBUN KECIL

15. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai dalam usahanya bagi memajukan bidang pelajaran bagi anak-anak pekebun kecil di seluruh negara. Adakah beliau berpuashati atas usaha yang dibuat.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian saya melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) untuk memajukan bidang pelajaran anak-anak pekebun kecil adalah bertujuan untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang tidak berupaya menampung perbelanjaan memberi pelajaran kepada anak-anak mereka terutama di peringkat kolej-kolej dan universiti-universiti. Tetapi oleh kerana peruntukan bagi memajukan pelajaran ini adalah terhad maka hanya pekebun-pekebun kecil yang terpilih sahaja akan dapat bantuan tersebut dan ini pula bergantung kepada kemajuan pelajaran anak-anak mereka.

Kejayaan yang dicapai dalam usaha bagi memajukan bidang pelajaran bagi anak-anak pekebun kecil boleh dilihat dari segi peluang-peluang pelajaran dan latihan yang diberi oleh RISDA dari masa ke masa. Dalam hal ini sebanyak 11 buah Tadika telah diadakan di Pusat-pusat Pembangunan Pekebun Kecil untuk membimbing dan mengajar anak-anak

pekebun kecil yang akan memasuki sekolah. Bagi tahun 1978 sebanyak 63 buah Tadika lagi akan didirikan.

RISDA juga telah memberi sebanyak 100 biasiswa kecil untuk anak-anak pekebun kecil yang menuntut di Tingkatan I hingga Tingkatan VI dalam tahun 1976. Pada tahun 1977 pula 1,000 biasiswa telah diberikan. Bagi tahun ini pula RISDA telah memperuntukkan 10,000 biasiswa kecil untuk anak-anak pekebun-pekebun kecil yang disalurkan melalui Pusat-pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil di seluruh negara.

RISDA juga telah menubuhkan 3 buah asrama Anak Pekebun Kecil yang boleh menampung 180 orang anak pekebun kecil yang menuntut di sekolah-sekolah yang agak jauh dari tempat tinggal mereka, iaitu di Baling dan Sik di Kedah dan Kuala Brang di Trengganu. Bagi tahun 1978 ini sebanyak 10 buah lagi asrama yang serupa akan didirikan di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Johor.

Selain daripada itu terdapat seramai 61 orang anak pekebun kecil di Institusi-institusi pelajaran tinggi di tanahair dengan bantuan kewangan daripada RISDA bagi tahun 1976 dan 1977 dan angka ini akan ditambahkan sebanyak 52 orang lagi pada tahun ini. Bilangan ini akan ditambah dari masa ke semasa bagi memberi banyak lagi peluang kepada anak-anak pekebun-pekebun kecil yang lain.

Selain dari itu kursus-kursus atau latihan-latihan seperti jurutunjuk perkembangan pertanian dan asas pertanian kepada belia-belia ada juga diberi oleh RISDA yang bertujuan untuk melengkapkan pengetahuan asas dan amalan bagi membolehkan penambahan kualiti dan kuantiti pengeluaran mereka.

Jadi adalah jelas menunjukkan bahawa RISDA memang mengambil berat dan telah maju ke hadapan dalam usaha membantu anak-anak pekebun kecil di bidang pelajaran dan saya berpuashati atas kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh RISDA seperti yang saya sebutkan tadi.

KEGELINCIRAN KERETAPI TANAH MELAYU

16. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) sepanjang tahun 1977 berapa banyak kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu akibat kegelinciran dan daripada penyiasatan adakah kegelinciran yang kerap berlaku itu perbuatan sabotaj, kiranya benar, sudahkah dapat dikesan dari mana asalnya sabotaj; dan
- (b) di manakah kegelinciran keretapi ini kerap berlaku dan adakah satu pasukan pengawasan akan ditubuhkan untuk mengelakkan kegelinciran yang kerap berlaku itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1977, kerugian yang dialami oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akibat kegelinciran adalah berjumlah \$1,011,622.56 iaitu belanja bagi membesarkan dan memperbaiki semua alat-alat yang terlibat di dalam kegelinciran.

Tidak semua kegelinciran akibat perbuatan sabotaj. Dalam jumlah 129 kegelinciran-kegelinciran yang berlaku sepanjang tahun lepas hanya 3 kes sahaja yang disyaki berpunca dari perbuatan sabotaj. Pihak Polis masih menyiasat kes-kes sabotaj ini dan sehingga kini belum lagi dapat dikesan punca-punca perbuatan ini.

Kerapnya berlaku kegelinciran tidaklah tertentu pada satu-satu tempat sahaja. Kementerian saya tidak bercadang hendak menubuhkan satu pasukan pengawas untuk mengelakkan berlakunya kegelinciran ini kerana faktor-faktor kegelinciran adalah banyak. Bagaimanapun kerja-kerja menyelia sentiasa dijalankan oleh kakitangan Keretapi Tanah Melayu.

POLIS SARAWAK—KEGIATAN POLITIK

17. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah terdapat anggota-anggota Polis di Negeri Sarawak terlibat dalam kegiatan politik seperti memburuk nama Kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin

Kerajaan Negeri Sarawak. Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka ini.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat tiada anggota-anggota polis di negeri Sarawak yang sedang berkhidmat terlibat dalam kegiatan-kegiatan politik.

CUKAI ATAS LIMAU

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kerugian hasil yang dialami oleh Kerajaan dengan membenarkan supaya cukai ke atas limau yang diimpot diturunkan dalam tempoh perayaan Tahun Baru China baru-baru ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, soal untung atau rugi tidaklah sepatutnya berbangkit di sini oleh kerana duti itu dikenakan apabila sesuatu barang itu diimpot. Kalau tidak diimpot maka tiadalah dutinya. Walau bagaimanapun, pengecualian separuh duti impot ke atas buah limau untuk perayaan Tahun Baru China telah diberi bagi tempoh yang bermula dari 12hb Januari, 1978, hingga 21hb Februari, 1978. Dalam jangka waktu tersebut, sejumlah 5970.74 metrik tan buah limau telah diimpot. Dengan itu, jumlah hasil yang tidak dipungut oleh Kerajaan akibat dari pengecualian duti yang telah diberi itu dianggarkan sebanyak \$3.9 juta.

BAHASA CHINA /TAMIL DI SEKOLAH

19. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut yang diberi kemudahan belajar Bahasa China dan India menurut seksyen 2 Akta Pelajaran 1961 dan juga nyatakan dengan jelas bilangan sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia yang mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid dan sekolah yang diberi kemudahan

belajar Bahasa China dan India sebagai Bahasa Ibunda di Semenanjung Malaysia adalah seperti yang berikut:

	Bilangan Murid		Bilangan Sekolah	
	Sek. Rend.	Sek. Men.	Sek. Rend.	Sek. Men.
Bahasa China	16,882	76,077	191	356
Bahasa Tamil	22,632	34,530	265	299

HARGA BARANG-BARANG

20. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian ini telah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas peniaga-peniaga yang bertindak cepat menaikkan harga barang-barang tanpa pengumuman awal dari pihak-pihak Kerajaan apabila hampir hari-hari tertentu atau hari-hari perayaan oleh kerana perbuatan yang berleluasa ini mencengkam perbelanjaan suri-suri rumahtangga.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah serupa dengan jawapan yang telah dibuat oleh saya pada 29-3-1978 menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidaklah bercadang hendak membuat apa-apa tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH ORANG-ORANG TUA

21. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang mendirikan sebuah Rumah Orang-orang Tua khas untuk orang Islam di negara ini memandangkan bahawa agama Islam ialah agama rasmi negara ini.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tidak, kerana di Rumah Orang-orang Tua yang ada sekarang, keperluan bagi orang-orang Islam seperti tempat beribadat juga diadakan.

GULA PASIR—PENGELUARAN

22. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah pengeluaran gula di negeri kita sekarang dan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi memperluaskan perusahaan gula di negara kita.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Pengeluaran gula pasir dalam negeri daripada kilang-kilang gula yang disatukan iaitu kilang-kilang yang mempunyai ladang tebu sendiri pada tahun 1977 lalu adalah sebanyak 54,163 tan metrik. Sementara itu pengeluaran gula pasir daripada kilang-kilang penapis gula-gula mentah yang diimpor pada tahun yang sama adalah sebanyak 369,968 tan metrik. Dari itu jumlah keseluruhan pengeluaran gula pasir dalam tahun 1977 lalu ialah 424,131 tan metrik.

Kerajaan tidak bercadang untuk meluaskan industri gula melalui penubuhan projek-projek baru. Pada masa ini keupayaan pengeluaran gula dari kilang-kilang tempatan yang sedia ujud adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan tempatan di samping berkeupayaan untuk diekspot.

Kerajaan berpendapat apa yang lebih utama ialah memastikan kejayaan projek-projek gula yang sedia ada itu terutamanya projek-projek "kilang gula yang berasaskan ladang-ladang tebu". Pada masa ini terdapat 2 buah kilang penapis gula yang menapis gula mentah yang diimpor serta 4 buah kilang gula yang berasaskan ladang tebu di negara ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kejayaan projek-projek di atas ialah menjamin pasaran gula keluaran kilang-kilang tempatan itu dengan mengharamkan kemasukan gula pasir yang diimpor. Larangan ini telah dikenakan sejak bulan Ogos, 1975. Di samping itu Kerajaan juga memberi galakan-galakan cukai kepada projek-projek kilang gula tempatan untuk menjamin kejayaan pelaksanaan projek-projek tersebut, serta memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman, samada pinjaman secara langsung daripada Kerajaan kepada projek-projek tertentu ataupun secara Kerajaan bertindak sebagai penjamin di atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh sesuatu kilang gula.

LEBUHRAYA PAPAR/SINDUMIN

23. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa pembayaran gantirugi oleh pemborong projek Lebuhraya Papar/Sindumin kepada tuan punya kebun-kebun yang terlibat oleh projek itu sangatlah rendah seperti seekar tanaman ubi atau nenas hanya dibayar \$100 sahaja. Jika ya, nyatakan apakah tindakan telah diambil; jika tidak, apakah tindakan akan diambil bagi mengatasinya.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini tidak ada pembayaran gantirugi telah dibuat ke atas tanah-tanah yang ditanam dengan ubi atau nenas untuk projek Lebuhraya Papar/Sindumin. Walau bagaimanapun, gantirugi telah dibayar untuk tanah-tanah padi yang terlibat dengan projek tersebut dan kadar yang dibayar ialah sebanyak \$3,000-\$4,000 seekar. Perlu ditegaskan penilaian telah sedang diusahakan oleh Pegawai-pegawai Penilaian yang berpengalaman dari Jabatan Tanah dan Ukur dan penilaian yang saksama akan diberi ke atas tanah-tanah yang diambil balik.

PENTADBIR BUMIPUTRA DI KILANG SWASTA

24. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar masih terdapat pegawai-pegawai pentadbir Bumiputra kurang di dalam kilang-kilang swasta; jika sedar, apakah langkah-langkah beliau supaya lebih ramai lagi pegawai-pegawai pentadbir Bumiputra dilantik di dalam kilang-kilang swasta, jika tidak, kenapa.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Saya sedar bahawa komposisi kaum dalam kumpulan-kumpulan pekerjaan di sektor swasta masih belum lagi seimbang sebagaimana yang dikehendaki mengikut Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan sedang menjalankan segala usaha untuk menentukan bahawa dasar ini diikuti. Sejak dasar ini dilancarkan pada tahun 1971, dari segi struktur kaum banyak perubahan-perubahan baik telah berlaku dalam pekerjaan kaum

Bumiputra, bukan sahaja di peringkat atasan tetapi juga pada keseluruhan pekerjaan di kalangan swasta.

Dalam membincangkan masalah ini, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa adalah menjadi tujuan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai perseimbangan kaum dalam pekerjaan cara berperingkat-peringkat dan bukan dengan serta-merta. Satu dari perhitungan-perhitungan penting Dasar Ekonomi Baru berhubung dengan soal perseimbangan kaum dalam pekerjaan ialah, tidak sesiapa pun dari mana-mana keturunan kaum harus disisihkan dari jawatan yang disandanginya dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian, soal memperbaiki keseimbangan kaum dalam pekerjaan semestinyalah dilaksanakan dengan membahagi-bahagikan peluang pekerjaan yang ujud dari pembangunan ekonomi secara yang lebih adil. Berkenaan dengan eksekutif-eksekutif Bumiputra, Kerajaan sedar bahawa majikan-majikan juga menghadapi masalah untuk mendapatkan pegawai Bumiputra yang berkelulusan atau berpengalaman yang sesuai, disebabkan kekurangan pegawai-pegawai tersebut dalam pasaran buruh. Banyak majikan-majikan yang mahu bersungguh-sungguh memperbaiki komposisi kaum pekerja-pekerja mereka telah mengadu bahawa mereka tidak dapat mengekalkan beberapa orang pegawai Bumiputra yang baik, oleh kerana pegawai-pegawai ini sangat diperlukan di kalangan swasta, dengan yang demikian sentiasa bertukar-tukar kerja. Dengan demikian meskipun terdapat kekurangan pegawai Bumiputra pada keseluruhannya jumlah pegawai tersebut yang keluar-masuk (turn-over) adalah tinggi.

Kerajaan sedar akan keadaan ini dan telahpun mengambil berbagai-bagai langkah secara menyeluruh untuk memperbaiki pembekalan pegawai-pegawai Bumiputra di peringkat atas dalam pekerjaan, serta menguatkuasakan dasar perseimbangan kaum di semua peringkat pekerjaan. Nyatalah bahawa aspek yang penting sekali ialah penekanan yang dibuat kepada usaha-usaha mengadakan lebih banyak lagi peluang-peluang pelajaran tinggi kepada Bumiputra di Universiti-universiti di Malaysia dan juga di Universiti-universiti lain serta di Institusi-institusi pengajian tinggi di luar Negeri. Bagi

tujuan ini kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah menawarkan beberapa biasiswa-biasiswa untuk pengajian sedemikian. Firma-firma di sektor swasta telah juga digesa untuk menawarkan biasiswa-biasiswa dan kemudahan-kemudahan latihan bagi keperluan pegawai-pegawai mereka dengan tidak melupakan keperluan-keperluan keseimbangan kaum di kalangan pekerja-pekerja mereka. Sambutan dari sektor swasta terhadap seruan Kerajaan kian menggalakkan.

Yayasan Pengurusan Malaysia serta Pusat Daya Pengeluaran Negara dan juga Instituit Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah juga memainkan peranan yang besar untuk memberi kemudahan-kemudahan latihan bagi meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai Bumiputra dan lain-lain pegawai. Kementerian saya juga membantu firma-firma yang memerlukan pegawai-pegawai dan mereka yang mencari pekerjaan professional dan eksekutif melalui Biro Pekerjaan Ikhtisas di bawah Perkhidmatan Pekerjaan Kementerian saya. Sejak Biro ini dilancarkan pada tahun 1973 seramai 158 orang pegawai Bumiputra telah ditempatkan dalam pekerjaan di sektor swasta.

IBUSAWAT TELEFON—GANGGUAN

25. Tuan Ngan Siong Hing bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau akan:

- (i) menyasiat aduan orang ramai yang serius berkaitan dengan kelakuan merosakkan talian telefon oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab di ibusawat talian; dan
- (ii) mengambil langkah bagi memperbaiki mutu dan kecekapan perkhidmatan yang sekarang diberikan oleh Jabatan Telekom.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (i) Setakat yang diketahui adalah tidak benar di atas tuduhan mengganggu (tampering) percakapan atas talian-talian telefon di ibusawat-ibusawat, yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat sebarang maklumat mengenai tuduhan seperti itu diharap beliau dapat memberi butir-butir itu

kepada saya ataupun kepada Jabatan Telekom supaya penyiasatan dapat dijalankan.

- (ii) Jabatan Telekom telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki lagi mutu dan kecekapan perkhidmatan-perkhidmatannya. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga Jabatan Telekom akan membelanjakan kira-kira sebanyak \$1,080 juta untuk mengembangkan dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatannya. Ibusawat-ibusawat telefon dan litar-litar udara yang agak kurang baik dan kerap kali rosak akan diganti dengan ibusawat-ibusawat yang lebih moden dan cekap (efficient), dan dengan sistem-sistem radio yang baru. Kebel-kebel bawah tanah yang baru dan yang memakai teknik-teknik yang lebih moden lagi sedang disiasat dengan tujuan untuk menggunakannya dalam seluruh negeri ini. Kakitangan-kakitangan Jabatan Telekom juga sentiasa dilatih di dalam negeri dan di seberang laut untuk mengendalikan dan memelihara dengan lincin kemudahan-kemudahan yang kompleks ini.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

26. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) memandangkan terdapatnya sebanyak \$420 juta yang tidak digunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina rumah-rumah, samada Kementerian beliau sendiri akan menimbang-kan supaya menjalankan kemajuan rumah-rumah secara langsung; dan
- (b) jika Kementerian ini tidak dapat menjalankan kemajuan perumahan, bukanlah ini bermakna Kementerian ini tidak payah menjadi pengedar kewangan, kerana tugas membahagikan wang itu boleh dijalankan oleh Kementerian Kewangan dengan mudahnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):

- (a) Saya tidak pasti mana Ahli Yang Berhormat berkenaan mendapat angka \$420 juta itu.

Sebenarnya, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah sebanyak \$469,500. Dari jumlah tersebut, sehingga 31hb Disember, 1977 Kementerian saya telah meluluskan pinjaman sebanyak \$259,220,185 iaitu 55.2% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga. Kementerian saya akan terus meluluskan peruntukan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah ini.

Kementerian saya tidak bercadang untuk menjalankan kemajuan perumahan secara langsung.

- (b) Mengenai soalan (b), jika rangkaikata "pengedar kewangan" itu dimaksudkan dengan mengeluarkan wang pinjaman maka Yang Berhormat tidak perlu lagi membuat syor oleh kerana mengikut amalan selama ini pihak yang mengeluarkan wang pinjaman bagi melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah ialah Perbendaharaan sendiri.

PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI

27. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi kekurangan tempat di universiti-universiti kita di mana lebih daripada 20,000 penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran dalam negeri ini telah ditolak pada tahun lalu.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang memberi penumpuan dan menitikberatkan terhadap pembinaan sekolah-sekolah rendah serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup bagi semua kanak-kanak yang memerlukan pelajaran rendah. Bagi sekolah-sekolah menengah pula, sekolah-sekolah baru sedang pesat didirikan di samping membina bilik-bilik darjah tambahan dan menggantikan bilik-bilik darjah yang tidak sesuai lagi.

Berhubung dengan kekurangan tempat di universiti-universiti sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya jawapan telah pernah diberi mengenai hal ini pada masa-masa yang lepas. Akan tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hingga sekarang Kementerian Pelajaran telah memberi penumpuan sepenuhnya terhadap pembangunan universiti-universiti tempatan serta kemudahan-kemudahan bagi pelajaran tinggi dan adalah difikirkan buat masa ini kemudahan-kemudahan itu sudahpun mencukupi bagi keperluan negara. Dalam hubungan tempat-tempat di universiti-universiti pula ingin saya menegaskan bahawa tiada sebuah negara pun di dalam dunia ini dapat menyediakan tempat bagi semua yang ingin melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pelajaran tinggi. Tidak ada faedah jika terlalu banyak tempat disediakan sehingga siswazah menganggur.

PELARIAN KETURUNAN CHINA INDONESIA KE SABAH

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar terdapat lebih kurang 4,000 pelarian-pelarian keturunan China yang telah lari dari Negeri Indonesia lebih kurang 20 tahun yang lalu tatkala demonstrasi-demonstrasi anti-China diadakan di situ dan mereka ini telah berada di Negeri Sabah sejak tahun 1959, dan mereka diberikan Pas Lawatan dan Kerja Tahunan, dan mereka ini hidup dengan mematuhi undang-undang dan nyatakan samada Kerajaan akan memberikan mereka taraf penduduk tetap.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jumlah sebenar pendatang haram Indonesia keturunan China yang datang ke Sabah semasa adanya demonstrasi anti-China di Indonesia ialah 1,166 orang. Mereka ini dibenarkan tinggal di negeri ini atas Pas Lawatan dan Pas Kerja Tahunan.

Berhubung dengan taraf penduduk tetap pula, mereka hendaklah terlebih dahulu memohon permit masuk sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 10 (1) Undang-undang Imigresen 1963 (Immigration Law 1963). Kerajaan bersedia menimbangkan permohonan mereka ini berdasarkan kepada merit tiap-tiap satu kes itu.

PERUMAHAN PEKERJA DI LADANG-LADANG

29. Tuan Ngan Siong Hing bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji masalah perumahan di ladang-ladang getah kerana banyak pekerja-pekerja ladang tinggal di dalam suasana dan tempat tinggal yang tidak sihat yang diberikan oleh ladang-ladang getah.

Datuk Lee San Choon: Pihak-pihak pengurusan ladang adalah dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan yang tertentu mengenai perumahan pekerja-pekerja di ladang-ladang seperti yang terkandung di dalam Akta (Piawai Minimum Perumahan) Pekerja, 1966 dan Peraturan yang dibuat selanjutnya. Dibandingkan dengan keadaan perumahan negara ini secara umum piawai perumahan bagi pekerja-pekerja ladang adalah memuaskan dan pihak pengurusan ladang pada keseluruhannya adalah memberi kerjasama yang baik dalam pematuhan undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, sudah tentu terdapat di beberapa ladang yang tertentu, rumah-rumah yang ada telah digunakan begitu lama dan perlu diubahsuai, terdapat juga rumah-rumah tersebut yang perlu diganti dengan rumah-rumah baru. Pada tahun 1977, sebanyak 3,358 unit-unit baru telah disiapkan oleh pihak pengurusan ladang, dan sebanyak 125 unit-unit sementara telah juga dibina. Dalam tempoh yang sebanyak ini 110 kerja-kerja pengubahsuaian (modification) telah disiapkan.

Tindakan sewajarnya adalah sentiasa diteruskan oleh pegawai dari Kementerian saya dengan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa. Di dalam menguatkuasakan piawai minimum ini kerjasama yang rapat adalah juga diberi oleh pegawai-pegawai perubatan dan juga dari Jabatan Kerjaraya yang mana kadangkala jurutera-jurutera dari Jabatan tersebut diminta memeriksa dan melaporkan keadaan perumahan tersebut apabila dikehendaki.

Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat tidak perlulah ditubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— TRENGGANU

30. Tuan Lukman bin Kadir minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan apakah sebab-sebab yang menyebabkan projek-projek perumahan harga murah di Trengganu berjalan terlalu lambat dan apakah ikhtiar-ikhtiar Kerajaan bagi mengatasi perkara ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan kurang jelas oleh kerana beliau tidak menyatakan asas yang dijadikannya sebagai perbandingan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah di Negeri Trengganu tidak terlalu lambat sepertimana yang disangkakan. Negeri Trengganu telah diperuntukkan pinjaman sebanyak \$13,760,000 untuk membina 1,835 unit rumah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sehingga penghujung bulan Februari 1978 pinjaman berjumlah \$4,778,303 untuk membina 1,076 unit rumah telah diluluskan oleh Kementerian saya kepada Kerajaan Negeri Trengganu. Daripada jumlah pinjaman yang telah diluluskan itu Kerajaan Negeri Trengganu telah mengeluarkan sebanyak \$2,991,293 iaitu 63%.

Kementerian saya telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menolong Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan rancangan tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian saya telah mengadakan rundingan-rundingan dan memberi panduan kepada Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah;
- (ii) Satu Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk di Kementerian saya supaya projek-projek dan pinjaman-pinjaman baginya dapat segera diputuskan;
- (iii) Perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara adalah ditawarkan kepada Negeri Trengganu untuk membantu negeri berkenaan dalam melaksanakan projek-projeknya. Kerajaan Negeri Trengganu telah bersetuju menerima perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara;

(iv) Kerajaan Negeri Trengganu juga telah diminta mengukuhkan jentera pentadbiran dan pelaksanaan bagi maksud mempercepatkan dan memesatkan lagi pelaksanaan projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah.

PERUMAHAN KAKITANGAN DI SARAWAK

31. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk bertanya kepada Menteri Kewangan bilakah Kementerian beliau bercadang hendak melaksanakan projek perumahan untuk kakitangan Kerajaan di Sarawak dan berapa ramaikah kakitangan Kerajaan di Sarawak yang telah mendapat pinjaman untuk membeli rumah.

Puan Rafidah Aziz: Pada masa ini projek perumahan di Sarawak adalah dikelolakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Kewangan tidaklah mempunyai rancangan mengujudkan projek perumahan di negeri itu. Projek-projek perumahan yang ada di Sarawak adalah terbuka kepada orang ramai dan termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan.

Kerajaan Sarawak ada juga memberi kemudahan pinjaman wang perumahan kepada

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Kementerian Pertahanan memang sedar akan adanya kekurangan-kekurangan rumah-rumah kelamin untuk anggota-anggota Angkatan Tentera. Kekurangan yang diadapati sekarang adalah seperti berikut:

Rumah Kelamin Yang layak	Rumah Kelamin Yang ada	Sewa Berkelompok	Kekurangan	R.M.K. 2 Rumah Kelamin Dalam Pembinaan	Kekurangan Sebenar bila semua Rumah Kelamin dalam R.M.K. 2 dibina
44,000	22,800	1,400	19,800	8,000	11,800

Kekurangan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara :

- Perkembangan pesat dalam Angkatan Tentera—keanggotaannya bertambah lebih daripada dua kali ganda semenjak tahun 1969.
- Sekil rumah keluarga yang tidak memuaskan (out-dated).
- Ketegangan kewangan—peruntukan sebanyak \$45 juta untuk pembinaan rumah keluarga telah dipindahkan dari R.M.K. 2 ke R.M.K. 3.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini telahpun mengambil berbagai-bagai tindakan bagi mengatasi masalah kekurangan rumah kelamin anggota-anggota Angkatan Tentera, antara tindakan yang telah diambil ialah :

- Sekil rumah keluarga telah dikaji semula untuk memberi peruntukan yang memuaskan. Sekil-sekil adalah seperti berikut :

Kategori	Sekil Lama	Sekil Baru	Tambahan	Kekurangan
Mejar ke atas ...	81%	90%	9%	—
Kapt ke bawah ...	81%	80%	—	1%

kakitangannya dan pinjaman itu dikenakan faedah 4% iaitu sama kadarnya seperti pegawai Kerajaan di Semenanjung Malaysia yang diberi pinjaman melalui rancangan pinjaman perumahan Kerajaan.

Rancangan pinjaman perumahan bagi pegawai Kerajaan di Sarawak telah dikelolakan semenjak tahun 1957 dan hingga sekarang ini seramai 2,490 pegawai Kerajaan sudahpun menikmati pinjaman perumahan dengan pinjaman yang diberi berjumlah \$62.7 juta.

ANGKATAN TENTERA— KEKURANGAN RUMAH KELAMIN

32. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak di antara perajurit-perajurit dari Tentera Darat, Laut dan Udara di negara ini berkurangan rumah kediaman kelamin. Banyak yang menyewa dengan bayaran sewa yang tinggi iaitu lebih tinggi daripada elaun rumah yang mereka terima. Dapatkah sekiranya Kementerian yang berkenaan menyediakan rumah-rumah kepada mereka yang berumahtangga. Jika ada, bila dan jika tidak, mengapa.

<i>Kategori</i>	<i>Sekil Lama</i>	<i>Sekil Baru</i>	<i>Tambahan</i>	<i>Kekurangan</i>
Pegawai Waran ...	89%	90%	1%	—
Sarjen/Staff Sarjen ...	65%	90%	25%	—
Kopral ke bawah ...	45%	60%	15%	—

- (b) Untuk keperluan yang mendesak, Kementerian Pertahanan sedang menguruskan sewaan berkelompok untuk rumah-rumah keluarga atau jika perlu membeli flat-flat untuk rumah kelamin di kawasan-kawasan yang amat mendesak. Pada masa sekarang lebih daripada 1,400 buah rumah kelamin sedang disewa di mana anggota-anggota tidak dikenakan sewa tetapi mereka tidak diberikan elaun rumah.
- (c) Mengenai sewa rumah yang tinggi pihak Kementerian akan mengkaji semula elaun perumahan dari masa ke semasa.
- (d) Kementerian Pertahanan sedang berusaha membina rumah-rumah yang tidak sempat dibina dalam R.M.K. 2 sebanyak 4,100 buah dalam R.M.K. 3. Bakinya sebanyak 7,700 buah akan dibina dalam rancangan Malaysia ke Empat. Di samping itu di dalam R.M.K. 3 juga sebanyak 5,000 buah rumah kelamin akan dibina untuk kem-kem baru mengikut sekil rumah keluarga yang baru.

Adalah dijangkakan sekiranya projek-projek perumahan ini berjalan mengikut rancangan, maka masalaah rumah kelamin ini akan dapat dikurangkan tetapi tidak dapat diatasi sama sekali dalam rancangan Malaysia Ketiga ini.

CUKAI BARANG GANTIAN MOTOR

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan mengulangkaji dan menurunkan cukai yang dikenakan ke atas barang-barang ganti motor bagi teksis dan bas-bas mini memandangkan beban yang mereka rasai akibat kenaikan kadar premium ke atas polisi insuran motor.

Puan Rafidah Aziz: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan sentiasa mengulangkaji semua jenis cukai yang dikenakan atas berbagai jenis barang. Oleh itu cukai yang dikenakan atas barang-barang gantian motor adalah dikaji dari masa ke semasa dan jika didapati ianya mendatangkan beban kepada perusahaan pengangkutan awam, Kerajaan akan mengambil tindakan yang difikirkan sesuai. Tujuan utama adalah untuk mengadakan suatu sistem pengangkutan awam yang teratur, berkesan dan selesa kepada penggunaanya.

RANCANGAN TANAM SEMULA GETAH

34. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah kerugian pekebun kecil yang menyertai Rancangan Tanaman Semula Getah dan lainnya di kawasan Pasir Panjang Ulu akibat kawasan tersebut yang selalu ditenggelami air. Dan nyatakan jumlah ekar yang terlibat serta ikhtiar bagi membantu pekebun kecil yang berkenaan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Sebelum saya nyatakan kerugian pekebun-pekebun kecil yang menyertai Rancangan Tanaman Semula Getah dan lainnya di kawasan Pasir Panjang Ulu di Negeri Perak itu, perlu saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kawasan ini memang sentiasa mengalami banjir iaitu sejak tahun 1967 lagi terutama di musim tengkujuh (Oktober-Disember) di mana berlakunya kenaikan paras air di Sungai Kinta. Jumlah kerugian yang berlaku adalah melibatkan kos pembangunan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di mana purata peserta-peserta yang terlibat telah menerima bantuan sebanyak lebih kurang \$131,402 bagi seluruh kawasan yang terlibat.

Jumlah kawasan tanam semula yang terlibat ialah seluas 363 $\frac{3}{4}$ ekar iaitu meliputi 170 permohonan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pokok-pokok getah di kawasan ini masih belum ditorih dan masih menerima bantuan tanam semula daripada RISDA. Bagi membantu pekebun kecil tersebut RISDA ada memberikan kredit pemulihan bagi kebun-kebun yang tidak berjaya di dalam Rancangan Tanam Semula sebanyak maksima \$400 seekar bagi membolehkan kebun-kebun yang berkenaan dipulihkan ke taraf yang produktif termasuklah juga kebun-kebun yang menghadapi bencana alam sebagaimana di kawasan Pasir Panjang Ulu yang dibangkitkan itu.

Selain daripada kredit pemulihan yang diberikan oleh RISDA, pihak Majlis Tindakan Daerah Tempatan telah mengadakan Rancangan Perkampungan Tersusun bagi memindahkan penduduk-penduduk yang terlibat dengan memberi tapak rumah seluas $\frac{1}{4}$ ekar. Begitu juga pada tahun ini pihak Jabatan Parit dan Taliair akan menjalankan projek mendalamkan sungai dan tembok salah satu daripada sungai yang menjadi cawangan Sungai Kinta.

SYARIKAT PREMIUM HOLDINGS SDN. BHD.

35. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa pada tahun 1974 apabila Tan Sri Ghazali Jawi menjadi Menteri Besar, Kerajaan Perak telah memberikan 126 ekar tanah Kerajaan di Tasek kepada sebuah Syarikat yang dikenal sebagai M/S Premium Holdings Sdn. Bhd. di mana Tan Sri Ghazali Jawi adalah seorang pemegang saham yang besar atau pengarah dengan harga "Dirt Cheap" sebanyak \$8,910 satu ekar untuk membangunkan projek perumahan. Jika sedar, adakah beliau akan mengesahkan Biro Siasatan Negara untuk menyiasat tentang penyelewengan hal ini.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Abu Samah: Tohmah yang dibuat itu telahpun disiasat oleh pihak Biro Siasatan Negara dan dakwaan yang dibuat itu adalah tidak benar. Kerajaan Negeri Perak tidak memberi milik tanah Kerajaan seluas 126 ekar di Tasek kepada Syarikat Premium Holdings Sdn. Bhd. Juga, tidaklah benar tanah tersebut diberi dengan harga \$8,910 satu ekar.

Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Jawi adalah seorang pengarah Syarikat Premium Holdings Sdn. Bhd. tetapi beliau menjadi pengarah setelah beliau meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Perak.

PENYELUDUPAN OLEH DIPLOMAT MALAYSIA

36. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa terdapat ahli-ahli dalam "Diplomatik Corps" telah terlibat dalam penyeludupan di luar negeri. Jika ya, apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil tentang pegawai-pegawai berkenaan supaya

imej dalam negeri kita tidak dirosakkan oleh pelanggar-pelanggar undang-undang; dan

- (b) sebab-sebab mengapa Diplomatik Pasport yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tinggi ke India telah diambil balik oleh Kerajaan bila beliau sampai ke Lapanganterbang Subang baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakariah bin Haji Abdul Rahman): Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini pada 24hb Mac, 1978, tindakan tatatertib sedang diambil ke atas pegawai yang terlibat dalam kes penyeludupan di New Delhi itu. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada 22hb Mac, 1978 telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa.

KOTAK HITAM KAPALTERBANG B 737

37. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perhubungan memberi satu laporan lengkap mengenai pendapat ("findings") pakar-pakar penerbangan berkait dengan hempasan kapalterbang Boeing 737 di Johor Selatan dengan membuat rujukan khas kepada bukti yang terdapat dari "peti hitam" kapalterbang malang itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pertanyaan mulut yang mempunyai maksud yang sama dengan soalan ini telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Silam pada 23-3-1978. Soalan ini telah saya jawab pada tarikh tersebut di dalam Dewan yang mulia ini dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu supaya merujuk kepada jawapan tersebut.

RUMAH MURAH UNTUK NELAYAN

38. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Perumahan dan Kemanjuaan Perkampungan menyatakan adakah pihak Kerajaan telah dan akan memperuntukkan wang bagi membina rumah murah untuk nelayan-nelayan di Malaysia ini, jika ada berapakah nilai yang telah dan akan diperuntukkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Pembinaan rumah untuk nelayan-nelayan adalah juga termasuk dalam rancangan perumahan awam kos rendah yang khusus ditujukan

kepada semua rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah. Kerajaan Persekutuan telah dan akan terus meluluskan permohonan pinjaman daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah yang dikhaskan bagi nelayan-nelayan.

Setakat ini peruntukan sebanyak \$3,086,310 untuk membina sejumlah 556 yunit rumah telah diluluskan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri Trengganu, Johor dan Pulau Pinang melaksanakan projek perumahan awam kos rendah untuk nelayan.

Tiga lagi projek yang sebahagiannya ditujukan kepada nelayan bernilai \$7,200,000 untuk membina sejumlah 940 yunit rumah sedang dalam perancangan Kerajaan Negeri Trengganu dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini.

PERAK HYDRO DAN SYARIKAT PENGELUARAN LETRIK KINTA

39. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kerajaan sedar terdapat ketidakimbangan kaum di kalangan pekerja-pekerja profesion dan mahir di Syarikat Perak Haidro dan K.E.D. di Perak. Memandangkan bahawa Kerajaan memiliki saham yang besar di dalamnya, nyatakan adakah Kementerian beliau bercadang menutup jurang yang begitu besar.

Dr Goh Cheng Teik: Saya sedar. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang bercadang pada suatu masa yang akan datang bagi mengintegrasikan pekerja-pekerja Perak Hydro dan Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta (K.E.D.) dengan Lembaga Letrik Negara. Apabila ini terlaksana soal ini tidak akan berbangkit lagi.

PERTUBUHAN PENGAMPUNAN ANTARABANGSA (AMNESTY INTERNATIONAL)

40. Tuan Oh Keng Seng minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau ada menerima sebarang surat dari Pertubuhan Pengampunan Antarabangsa (Amnesty International) berkenaan tahanan-tahanan

politik; bahawa mereka berada dalam keadaan kurang sihat, kerana mereka sudah lama di bawah tahanan tanpa dibicarakan dan merayu pada beliau untuk mengkaji semula keadaan mereka, dan beritahu apa tindakan telah diambil oleh beliau selama ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semua surat-surat yang diterima dari Ibu Pejabat Pertubuhan Pengampunan Antarabangsa sahaja (Amnesty International) adalah diberi perhatian dan dijawab oleh Kementerian ini. Surat-surat yang dihantar oleh ahli-ahli Badan Pengampunan ini secara perseorangan tidaklah diberi jawapan kerana peraturan ini telah dibuat dan dipersetujui di antara Kementerian ini dan Badan tersebut. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah ditegaskan berkali-kali di Dewan ini dan saya berharap penegasan kali ini adalah sebagai yang terakhir bahawa tidak terdapat sebarang tahanan politik di negeri ini. Seseorang itu ditahan kerana penglibatannya dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara seperti penglibatannya dalam kegiatan komunis atau sabversif. Kesihatan orang-orang tahanan adalah sentiasa diberi perhatian berat dan jika mereka sakit, rawatan perubatan yang segera adalah diberikan oleh pegawai perubatan yang ditempatkan di Tempat Tahanan. Jika pada pendapat pegawai perubatan penyakitnya dikehendaki menerima rawatan di rumah sakit, orang tahanan itu akan dimasukkan ke rumah sakit untuk rawatan sewajarnya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera, 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.” (3hb April, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

3.34 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gembira melihat begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Saya melahirkan penghargaan ini dengan perasaan penuh hormat kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Di sepanjang perbahasan hampir semua aspek kegiatan dan dasar Kerajaan telah disentuh. Hampir kesemua Ahli Yang Berhormat—baik dari parti-parti pembangkang mahupun dari parti yang memerintah—telah membuat teguran-teguran terhadap Kerajaan. Hak mengecam Kerajaan, bukan sahaja di Dewan ini bahkan juga di luar Dewan, adalah satu keistimewaan yang sentiasa kita sanjung dan hargai. Seorang Ahli Yang Berhormat telah bertanyakan di dalam perbahasan apakah kuasa yang sebenarnya ada pada Ahli penyokong Kerajaan. Selain daripada melancarkan dengan sekuat-kuatnya, kata Ahli

Yang Berhormat itu, mereka akhirnya terpaksa juga mengundi menyokong Kerajaan. Anehnya soalan ini telah dibangkitkan oleh seorang ahli yang pernah menjadi Anggota Kanan Kerajaan begitu lamanya. Saya akan mengulas dengan lebih lanjut mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyelamatkan masa, saya akan menghadkan pandangan-pandangan saya kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda. Saya memilih perkara-perkara itu kerana mungkin perkara-perkara tersebut menarik perhatian orang-orang awam dan juga ahli-ahli penyokong Kerajaan. Perkara-perkara tertentu di bawah bidang tugas Jabatan Perdana Menteri, akan dijawab oleh Tuan Richard Ho dan Datuk Sri Haji Kamaruddin.

Tuan Yang di-Pertua, pada 22hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah membentangkan dengan panjang lebar di Dewan ini perkembangan arus pemikiran politik di Negara-negara Barat. Bagi meyakinkan Dewan ini tentang pendapat-pendapatnya itu ia telah menyebutkan nama Plato dan Aristotle, iaitu tokoh-tokoh di zaman purbakala; ia juga menyebut nama Joan dari Salisbury iaitu tokoh zaman pertengahan Negara Eropah. Ia juga menyebutkan nama tokoh-tokoh lain seperti Dante, Machiavelli, Montesquieu, Rousseau, Hegel, Karl Marx dan Engels. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, ia lupa hendak menyebutkan nama sekurang-kurangnya dua orang ahli falsafah politik yang lain iaitu Edmund Burke dan John Stuart Mills. Mungkin ia belum sempat membaca buku-buku mereka itu. Sesungguhnya pidato Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pada 22hb Mac itu, sangatlah menakjubkan—menakjubkan sekurang-kurangnya dari bilangan nama ahli-ahli falsafah politik yang dihuraikan kepada kita. Pidatonya pada hari itu, juga sangat berkesan dari segi jangka masa yang diliputinya iaitu sejak zaman purbakala, membawa kepada zaman pertengahan hinggalah ke masa kini—sungguh panjang jangka masa yang disebut oleh Ahli Yang

Berhormat itu. Anehnya ia tidak menyebut langsung nama ahli falsafah politik Islam atau bangsa Arab. Mungkin memang tidak ada ahli-ahli falsafah Islam atau mungkin juga ia tidak mengetahui adanya ahli-ahli falsafah Islam itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pidatonya yang panjang di Dewan yang mulia ini, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri itu yang partinya telah berkuasa di Negeri Kelantan selama 20 tahun membayangkan barulah sekarang ini ia mendapati kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan dalam bentuk—susunan perlembagaan negara kita. Saya tertanya-tanya sekiranya partinya telah menang dalam Pilihanraya Negeri Kelantan itu, adakah ia akan mengemukakan pendapat-pendapatnya itu? Saya membangkitkan perkara ini bagi meyakinkan diri saya sendiri samada Ahli Yang Berhormat itu benar-benar ikhlas dengan teguran dan pandangannya itu. Nampaknya baru sekarang ini sahaja Ahli Yang Berhormat itu mendapati bahawa sistem pilihanraya kita ini tidak baik. Nampaknya hanya sekarang juga ia baru mendapati bahawa susunan kuasa perundangan, badan pemerintahan dan badan kehakiman kita sekarang ini tidak menjamin keadilan. Ia berkehendakkan perubahan yang radikal dari sistem yang ada sekarang kepada satu sistem Kerajaan yang Berpresiden, seperti yang ada di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pendekata, apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ialah: (1) Perwakilan di dalam Parlimen hendaklah dibuat kepada apa yang dikenal sebagai "Perwakilan Nisbah atau Proportional Representation"; (2) Kuasa-kuasa Perundangan, Pemerintah dan Kehakiman, hendaklah dipisah danasingkan sejelas-jelasnya.

Saya tidak berhajat hendak memulakan perbahasan mengenai kebaikan atau keburukan terhadap cadangan-cadangan itu. Ahli Yang Berhormat itu telahpun memberi kita satu senarai nama ahli-ahli falsafah politik yang telah, sejak zaman silam lagi, membincangkan bentuk-corak sistem politik dan perlembagaan yang sesuai bagi masyarakat. Saya sukalah mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu bagi menghabiskan masa-lapang Ahli-ahli Yang Berhormat dari sekarang hingga ke masa pilihan-

raya yang akan datang, eloklah membaca semua buku ahli-ahli falsafah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri itu. (*Tepuk*)

Mengenai cadangan-cadangan itu, saya cuma ingin menyatakan bahawa bentuk-susunan perlembagaan kita telah dirangka setelah ditimbang dan difikirkan dengan teliti oleh pakar-pakar perlembagaan yang terkenal dan berpengalaman dari beberapa buah negara Commonwealth, dan setelah memperolehi pendapat dan pandangan rakyat. Bentuk-susunan perlembagaan yang telah diperakukan dan diterima itu, adalah mengandungi pengalaman sebenar serta pemikiran yang telah diperolehi dari berbagai negara Commonwealth. Bentuk-susunan perlembagaan kita sekarang ini telah memandu negara kita dengan jayanya melalui berbagai kesulitan selama 20 tahun yang lalu. Ia merupakan asas yang telah membolehkan negara mencapai kestabilan dan kemajuan, yang sepatutnya kita semua banggakan. Apakah bukti yang lebih baik yang kita perlukan bahawa bentuk-susunan Perlembagaan sekarang ini adalah amat sesuai bagi negara kita? Pilihanraya di setiap peringkat telah diselenggarakan dengan adil dan jayanya, dan pada keseluruhannya dalam aman, serta penyertaan yang bersemangat oleh sebilangan besar pengundi-pengundi, sungguhpun pengundi itu tidak diwajibkan. Jentera-jentera perundangan, pemerintahan dan kehakiman, telah bergerak dengan licinnya, tiap-tiap satu menunaikan sepenuhnya peranan dan tugas masing-masing. Tidak berlaku satu peristiwa pun di mana terdapat pertelingkahan kuasa di antara jentera-jentera ini. Kejayaan sesebuah negara pada akhirnya bergantung kepada perwatakan rakyatnya, dedikasi dan kejujuran pemimpin-pemimpinnya, dan ketaat-setiaan serta kecekapan pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan hanya dapat difahami sepenuhnya dengan berlatar belakangkan kepada pengetahuan mengenai keadaan masyarakat yang akan menggunakan perlembagaan itu serta mengetahui sejarah bagaimana perlembagaan itu sendiri diwujudkan. Sesungguhnya seseorang itu mestilah memerhati dengan lebih dekat lagi negara kita bagi memahami masalah-masalah yang timbul daripada perbezaan kebudayaan, agama, sosial dan latarbelakang

politik. Penggubal-penggubal perlembagaan negara kita telah menggunakan pengalaman-pengalaman perlembagaan dari beberapa negara lain. Perubahan-perubahan kepadanya adalah merupakan hasrat untuk memenuhi kehendak-kehendak setempat. Konsep asas perlembagaan kita ialah pembentukan satu demokrasi, dan sebuah Kerajaan yang mewakili rakyat serta bertanggungjawab kepada rakyat.

Kita telah menganuti sistem Kerajaan Jumaah Menteri atau Cabinet. Mengikut bentuknya, tujuannya ialah bagi menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di dalam menjalankan tugas-tugas Baginda. Sebenarnya Kabinetlah yang mempunyai kuasa memerintah negara. Kabinet mempunyai tanggungjawab bagi membentuk, memulakan dan mengarahkan terhadap akta-akta perundangan, dan menjalankan hampir kesemua kuasa-kuasa pentadbiran Kerajaan. Kuasa-kuasa pentadbiran Kerajaan itu adalah jelas diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Ahli-ahli Jumaah Menteri adalah mengetuai Kementerian-kementerian Kerajaan. Jabatan-jabatan dan bidang kuasa di bawah jagaan sesebuah Kementerian, adalah pada keseluruhannya ditentukan oleh Undang-undang.

Jumaah Menteri secara berkumpulan (collective) adalah bertanggungjawab kepada Parlimen. Ini bermakna Jumaah Menteri hendaklah sepakat di atas sesuatu dasar dan seorang ahli yang tidak bersetuju dengan rakan-rakannya hendaklah meletakkan jawatan—sebagaimana yang telah dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri itu beberapa bulan yang lalu. Dari pengalaman kita dalam beberapa tahun semenjak kemerdekaan negara kita, sistem ini telah didapati berjalan dengan baiknya. Tidak pernah berlaku, sepanjang pengetahuan saya, sebarang percanggahan di antara tiga jentera—iaitu badan Pemerintah, badan Perundangan dan badan Kehakiman—dalam pelaksanaan tugas mereka masing-masing atau dalam melaksanakan kuasa-kuasa mereka masing-masing. Cadangan seperti yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri itu, tidak semestinya pula salah. Tetapi apa yang penting dan perlu dipertimbangkan, samada cadangan tersebut yang melibat perubahan besar dalam bentuk-susunan perlembagaan, sesuai bagi negara kita dan dapat diterima oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita memberi jaminan bahawa perhakiman adalah sama sekali bebas. Sejarah telah membuktikan kenyataan ini. Hakim-hakim kita tidak pernah ragu-ragu mengemukakan atau memberi keputusan yang menyalahkan Kerajaan. Mereka telah mentadbirkan Undang-undang dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Saya dengan bangganya menyatakan iaitu dalam negara kita ini orang-orang yang tidak bersalah, orang-orang miskin dan lemah, tidak perlu takut kepada orang-orang kaya, orang-orang kuat atau orang-orang yang telah didapati bersalah. Sebagai usaha terakhir, mahkamah-mahkamah akan memberi perlindungan kepada mereka. Dalam negara ini bukan sahaja Perlembagaan atau Kerajaan, tetapi juga rakyat yang akan menjamin bahawa keadilan Undang-undang sentiasa wujud. Janganlah ada seorang jua pun, bagaimana besar, bagaimana kaya, atau bagaimana berpengaruh sekalipun, cuba memperkecilkan keazaman rakyat menjunjung keadilan Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri itu telah menyatakan bahawa keadilan tidak akan tercapai di negara ini sekiranya sistem perwakilan di Parlimen sekarang ini tidak dirobah kepada sistem perwakilan nisbah (proportional representation) atau perwakilan parti politik sebenar, sebagaimana yang dikatakannya. Bagi menyokong pendapatnya, sebagaimana yang telah saya nyatakan dahulu, ia telah menghuraikan beberapa nama ahli-ahli falsafah politik yang bermula dengan Plato dan Aristotle di zaman Greek; Joan of Salisbury, Dante, Machiavelli, Montesquieu, Rousseau, Hegel, Karl Marx dan Engels dari zaman pertengahan ke kurun ke 14, 16 dan 18, dan hinggalah ke kurun sekarang ini. Sebenarnya ia tidak perlu meninjau sejarah begitu jauh ke belakang, bagi menyakinkan tentang kekukuhan cadangan-cadangan itu. Apa yang penting dan lebih tepat kepada kita ialah sama ada cadangan-cadangannya itu sesuai untuk digunakan di negara ini di dalam keadaan dan suasana yang terdapat sekarang. Sebagaimana yang telah saya nyatakan, perkara yang menarik mengenai pemikirannya, semenjak kekalahan partinya di Kelantan, ialah bahawa bentuk-susunan

Perlembagaan sekarang ini tidak baik lagi, dan tidak lagi memberi sebarang keadilan. Saya mesti menyatakan bahawa ini adalah satu pemikiran kusut yang agak aneh.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikut dengan penuh minat ucapan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda pada 29hb Mac. Ahli Yang Berhormat itu telah menjadi Ahli Dewan yang mulia ini sekian lamanya. Juga dalam masa yang begitu lama ia telah menjadi salah seorang Ahli Jumaah Menteri yang terkanan sekali. Saya hairan terhadap nada ucapannya mengenai ahli-ahli penyokong Kerajaan (Backbenchers). Ia sepatutnya lebih mengetahui dari ahli-ahli yang lain di Dewan ini tentang tugas, kuasa dan pengaruh ahli-ahli penyokong Kerajaan itu. Mendakwa bahawa tugas ahli-ahli penyokong Kerajaan di Dewan hanyalah untuk mengundi menyokong sebagaimana diarahkan oleh Kerajaan, bukan sahaja mengelirukan tetapi juga merupakan satu perbuatan yang nakal. Ia juga menuduh, sekurang-kurangnya dengan menyindir bahawa ahli-ahli penyokong Kerajaan boleh melaung sekuat-kuat hati mereka dalam Dewan ini tetapi mereka tidak akan dihiraukan oleh Kerajaan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda itu sepatutnya tahu bahawa perkara ini tidaklah benar. Teguran-teguran dan pandangan-pandangan ahli-ahli penyokong Kerajaan kebanyakannya adalah dihargai oleh Kerajaan, dan sekiranya didapati membina, biasanya dilaksanakan. Semua kita yang ada di dalam Kerajaan adalah pada satu ketika dahulu ahli penyokong Kerajaan juga; kita pernah juga menjadi Backbenchers. Oleh yang demikian, tidaklah dapat diterima oleh akal bahawa Ahli-ahli penyokong Kerajaan menerima layanan yang begitu tidak dihormati sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda telah juga melahirkan ketidak-puasan hatinya di atas kekurangan kuasa dan tugas bagi ahli-ahli penyokong Kerajaan. Ia mencadangkan supaya lebih banyak lagi jawatankuasa Parlimen dibentuk dan terutamanya apa yang disebutkannya sebagai sebuah jawatankuasa penyemak untuk mengawas dan meneliti segala perubahan dan dasar-dasar yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Kalau saya tidak salah, apa yang difikirkan

oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebuah sistem yang ditubuhkan mengikut Perlembagaan Amerika Syarikat di mana Dewan Negara (Senate) dan Dewan Perwakilan (House of Representatives) menubuhkan berbagai Jawatankuasa bagi meneliti dasar-dasar dan tindakan-tindakan badan pentadbiran. Samada sistem seperti itu boleh dipakai di negara ini adalah satu perkara yang boleh membangkitkan perbahasan. Walau bagaimanapun, ia memerlukan satu perubahan besar (radical) kepada sistem Kerajaan kita yang ada sekarang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan kali ini adalah sangat hangat dan menarik. Bertentangan dengan apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda, pendapat-pendapat yang dilahirkan dan teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli penyokong Kerajaan, dan juga oleh ahli-ahli dari pihak Pembangkang adalah diberi penghormatan yang sewajarnya. Cadangan-cadangan yang membina dan sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan akan diterima dan dilaksanakan. (*Tepuk*).

4.00 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manikavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi Kementerian Perhubungan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan serta teguran-teguran mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Segala pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah di dalam perhatian saya. Bagaimanapun, izinkan saya memberi penjelasan serta jawapan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Mengenai masaalah kekurangan kakitangan di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri Sabah, termasuk Jabatan Telekom, memang benar terdapat kekurangan pegawai-pegawai Telekom di Sabah disebabkan ada di antara jawatan-jawatan yang memerlukan latihan dan pegawai-pegawai yang dilatih ini akan tamat kursus mereka pada tahun 1979, 1980 dan 1981. Buat masa sekarang beberapa orang pegawai Jabatan Telekom dari Semenanjung Malaysia telah dipinjamkan ke Sabah untuk menampung kekurangan tersebut.

Berkenaan dengan satu syor supaya perkhidmatan antarabangsa MAS diperluaskan lagi, pada masa ini pihak MAS sedang membuat kajian dan setakat ini MAS telah mengadakan perkhidmatan dua kali seminggu ke Kuwait dan London dan ke Frankfurt sekali seminggu. Masaalah hendak mengadakan perkhidmatan di lain-lain tempat adalah bergantung kepada "Traffic Demand" dan ekonomi perkhidmatan tersebut. Perkara ini adalah dikaji dari masa ke semasa. Dalam Rancangan Lima tahunnya (1978-1983) MAS akan dapat melancarkan perkhidmatan ke beberapa tempat lain di Eropah dan lain-lain tempat dengan syarat Kerajaan Malaysia memperoleh hak-hak mendarat di samping faktor "Traffic Demand" yang mencukupi. Berkenaan dengan perkara Perjanjian Udara dengan Kerajaan British, saya suka menyatakan di sini bahawa Malaysia mempunyai hubungan dengan Kerajaan British. Satu kaji semula berhubung dengan perjanjian udara yang ada sekarang ini antara Kerajaan British dengan Malaysia akan diadakan tidak berapa lama lagi dan segala pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan diambil perhatian di dalam perbincangan dengan Pegawai-pegawai Kerajaan British.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai satu syor untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan di lapangan-lapangan terbang, syor ini adalah di dalam perhatian saya. Bagaimanapun, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Penerbangan Awam Malaysia adalah sebuah jabatan yang menggunakan sistem "Self Accounting", walaupun terdapat perbezaan dalam cara-cara pengurusan di lapangan-lapangan terbang di negara kita tetapi pada keseluruhannya tanggungjawab menguruskan lapanganterbang ini adalah di bawah jagaan Jabatan Penerbangan Awam.

Berhubung dengan masalah memberi perkhidmatan feri yang lebih cekap dan selamat di Pelabuhan Pulau Pinang, saya suka memberitahu bahawa kita memang sentiasa memberi perkhidmatan feri yang cekap dan selamat. Feri-feri kita sentiasa di dalam keadaan yang selamat. Pada masa ini

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sedang menguruskan untuk membeli sebuah feri kenderaan untuk menampung kekurangan perkhidmatan feri ini.

Saya juga sedar tentang adanya beberapa kekurangan (shortcomings) di lapangan-lapangan terbang Subang dan Pulau Pinang. Tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini sebagaimana yang telah saya terangkan di dalam Dewan ini semasa menjawab soalan-soalan mulut yang berkaitan dengan perkara ini.

Di sini saya suka juga mengambil kesempatan untuk memberi sedikit gambaran tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh beberapa jabatan di bawah Kementerian saya.

Daripada 79 buah projek Pejabat Pos yang dirancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 14 buah telah siap dibuka untuk urusan pos dan sebanyak 17 buah lagi adalah sedang dibina dan dijangka akan siap akhir tahun ini atau awal tahun hadapan. Di antara projek penting yang akan siap pada tahun ini ialah Pejabat Besar Pos Kuantan, manakala Pejabat Besar Pos Kota Bharu, Kelantan dan Kelang adalah sedang dalam pembinaannya. Sebagai tambahan kepada ini kerja-kerja perangkaan bagi 18 buah Pejabat Pos baru telahpun hampir siap dan pembinaannya dijangka akan dimulakan pada awal tahun hadapan. Projek-projek ini termasuklah pembinaan bangunan baru Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur, Institut Latihan Pos Baru, Pejabat Besar Pos Ipoh dan Pejabat Bungkusan Kuching yang baru.

Selain dari itu Jabatan Perkhidmatan Pos juga akan melancarkan 12 buah Pejabat Pos bergerak di Semenanjung Malaysia, 2 buah di Sarawak dan 1 buah di Sabah pada tahun ini. Projek-projek ini adalah untuk menampung keperluan urusan pos di Kawasan luar bandar seperti di Pahang Tenggara, Trengganu, Trengganu Tengah, Jangka Tiga Segi dan juga di kawasan-kawasan Rancangan Tanah FELDA di seluruh negara. Bagi Wakil Pos pula sebanyak 50 buah Wakil Pos di Semenanjung Malaysia, 20 buah di Sarawak dan 10 buah di Sabah akan ditubuhkan dalam tahun 1978 bagi memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan luar bandar.

Mulai tahun 1978 Jabatan Perkhidmatan Pos akan memulakan sistem yang sama bagi perkhidmatan kiriman wang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak demi untuk memberi kemudahan kepada orang ramai yang banyak menggunakan perkhidmatan ini. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk memastikan supaya mutu perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus diperbaiki dari setahun ke setahun demi untuk kesenangan orang ramai. Saya juga sedar atas kompleksi dari orang ramai yang mengatakan lambat menerima surat-surat. Ini adalah di dalam kajian oleh pejabatnya.

Jabatan Telekom akan terus berusaha untuk memaju dan memperluaskan rangkaian telefon supaya dapat memberikan perkhidmatan yang baik. Untuk mencapai objektif ini, Jabatan Telekom telah berusaha memperbaiki lagi jentera pentadbiran dan mempermodenkan segala peralatannya. Di antara projek-projek pembangunannya ialah seperti berikut:

(a) *Projek Penyuisan*

Projek ini termasuklah mengadakan ibupejabat-ibupejabat otomatik dan alat peralatannya. Dengan perluasan projek ini Jabatan Telekom telah dapat menambahkan talian sejumlah kira-kira 146,000 talian pada tahun 1977 dan pada tahun ini sebanyak 132,540 talian lagi dapat ditambah.

(b) *Rangkaian Talian Pelanggan*

Projek ini termasuklah pemasangan kebal bawah tanah dan saluran-saluran, loji talian luar alat-alat telefon, papan suis teleprinter dan lain-lain. Rancangan ini telah dapat menambahkan 230,120 talian pada 1977 dan pada tahun ini sejumlah 277,070 talian lagi dijangka akan dapat ditambah.

(c) *Rangkaian Talian Sambungjauh dan Cawangan-cawangan*

Ini termasuklah rangkaian perhubungan antara Ibusawat-ibusawat Besar dan Ibusawat-ibusawat kecil gelombang mikro, UHF/VHF, kabel bawah tanah dan alat-alat kelengkapannya. Adalah diharapkan dengan siapnya

projek-projek di atas Jabatan Telekom akan dapat memperbaiki lagi perkhidmatannya.

Dengan pembangunan yang begitu pesat maka beban Jabatan Telekom pun agak bertambah maka timbul beberapa badan-badan swasta yang membekalkan alat-alat telekom dan perkhidmatan-perkhidmatan Telekom untuk menyegerakan penyediaan projek-projek telekom. Peranan pihak swasta ini sudah semestinya selaras dengan matlamat Kerajaan iaitu memberi pekerjaan kepada warganegara kita. Saya juga ada menasihatkan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan Telekom supaya bekerja dengan jujur dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan baik kepada orang ramai.

Jabatan Penerbangan Awam dalam usaha untuk mencapai objektifnya bagi mengadakan sistem perhubungan udara yang memuaskan telah melaksanakan banyak projek-projek infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam. Projek-projek tersebut ialah seperti pembesaran lapangan-lapangan terbang dan permodenan alat-alat keselamatan penerbangan dan lain-lain peralatan. Untuk memperketatkan lagi sistem kawalan keselamatan di lapangan-lapangan terbang, Jabatan Penerbangan Awam akan menubuhkan perkhidmatan keselamatannya sendiri dan melengkapkan alat-alat pengesanan yang moden seperti Baggage X-Ray, Hand Baggage X-Ray, Walk Through Detector Frame, Close Circuit TV dan lain-lain lagi yang di fikirkan perlu.

(i) *Kuala Lumpur*

Kerja-kerja pembinaan bagi menambah kemudahan-kemudahan di lapangan-terbang Kuala Lumpur termasuk mengadakan sistem operasi dua tingkat dijangka akan dimulakan pada lewat tahun ini. Apabila siap kelak Lapangan-terbang Kuala Lumpur akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan "Parking Apron" dan bangunan terminal yang dapat menampung lapan buah Kapal-terbang jenis B747/DC-10 dan enam buah kapal-terbang jenis B737. Satu kompleks Kargo akan disediakan lengkap dengan kemudahan-kemudahan pejabat untuk wakil-wakil syarikat mengendalikan kargo-kargo lapangan-terbang.

(ii) *Kuching*

Kerja-kerja pembinaan kepada bangunan terminal baru bagi Lapangan-terbang Kuching dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun ini dan akan siap sepenuhnya awal tahun 1981.

(iii) *Pulau Pinang*

Landasan Lapanganterbang Pulau Pinang yang dapat menampung kapal-terbang-kapal-terbang jenis B747 telah-pun siap dan digunakan. Demikian juga dengan "Parking Apron" yang telah-pun mula digunakan. Bangunan terminal lapanganterbang ini pula di-jangka dapat disiapkan pada akhir tahun ini.

(iv) *Johor*

Rancangan telah diatur untuk menjadikan lapanganterbang Johor sebagai sebuah Pusat Kargo dan passengers. Ini akan melibatkan antara lain kerja-kerja memanjangkan landasan, menambah kemudahan-kemudahan setor kargo dan penyelenggaraan.

Adalah diharapkan dengan terlaksananya projek-projek tersebut Jabatan Penerbangan Awam dapat memperbaiki lagi perkhidmatannya.

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca akan terus memberikan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kajicuaca bagi menolong memesat dan melicinkan perlaksanaan kegiatan-kegiatan pembangunan negara. Bagi tujuan ini perkhidmatan ini telah dan sedang memperbaiki teknik-teknik pengambilan data dan meramal cuaca selaras dengan kehendak-kehendak pengguna-pengguna maklumat cuaca. Bagi mencapai matlamat ini, berbagai-bagai jenis balai pemerhatian telah dibina dan alat-alat moden telah dibelikan. Bagi tahun 1978, satu radar amaran ribut baru bagi daerah Kluang dan alat "Wind Finding Radar" bagi stesyen Pulau Pinang akan didirikan.

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia terus menjalankan usaha-usaha penyelidikannya dalam berbagai aspek kajicuaca supaya taraf perkhidmatannya setanding dengan sains-sains kajicuaca di seluruh dunia.

Aktiviti-aktiviti penyelidikan supaya hasilnya dapat digunakan terus oleh orang ramai. Satu aspek penyelidikan ialah perubahan cuaca (weather modification) iaitu "cloud seeding" sebagai langkah Kerajaan dalam mengatasi keadaan kemarau yang teruk di beberapa tempat di negara ini terutamanya di negeri Kedah. Projek cloud seeding ini telah maju dengan memuaskan dan hasil yang diperolehi sungguh menggalakkan kerana itulah projek ini telah diminta supaya diteruskan untuk kepentingan kaum-kaum tani yang mengalami kemarau. Tiga operasi telah dijalankan sejak 1976 untuk pihak-pihak berkuasa MADA di Kedah untuk mengatasi keadaan ini yang menyebabkan kekurangan tanaman padi. Operasi-operasi ini dipusatkan ke atas takungan-takungan air MUDA dan PEDU. Rancangan-rancangan juga difikirkan untuk memperbaiki lagi organisasi cloud seeding ini dengan mengadakan yunit kakitangan yang sempurna serta penggunaan alat kelengkapan yang lebih sophisticated di masa akan datang.

Keretapi Tanah Melayu dalam usaha memperbaiki lagi perkhidmatan telah merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunannya. Projek-projek tersebut terdiri daripada projek-projek pemuliharaan, penyenggaraan dan permodenan. Di antara projeknya yang telah siap dibina ialah pembarisan semula cawangan Port Dickson. Bagi projek-projek pemuliharaan pula, ialah seperti memperbaiki jambatan, penyelenggaraan gerabak-gerabak, landasan-landasan dan membeli alat-alat kelengkapan sedang giat dilaksanakan oleh Keretapi Tanah Melayu. Landasan lama yang tidak selamat lagi digunakan diganti dengan yang baru. Di samping itu Keretapi Tanah Melayu juga berusaha untuk memodenkan perkhidmatannya dengan membeli kereta-kereta rel yang baru, seper-seper penting untuk kereta-kereta rel dan projek memodenkan semboyan dan perhubungan. Sekolah latihan yang baru akan mula dibina pada tahun ini.

Penyambungan kedua Pelabuhan Kelang Utara iaitu pembinaan dermaga sepanjang 3,500 kaki atas projek-projek pelabuhan-pelabuhan untuk kargo am dan kontena telah siap dan telah diguna sepenuhnya mulai akhir tahun sudah. Tindakan sedang

diambil bagi mendapatkan pinjaman sebanyak \$11 juta bagi membiayai projek bagi mengadakan perkhidmatan ro-ro dan lo-lo di pelabuhan Kelang.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$35.6 juta telah dibekalkan bagi projek pembesaran dan penyambungan dermaga ke enam di Butterworth. Dermaga ini yang dijangka siap sepenuhnya dalam sedikit masa lagi mempunyai kemudahan-kemudahan untuk perkhidmatan ro-ro dan lo-lo.

Pelabuhan Pasir Gudang di Johor telah memulakan operasinya pada awal tahun 1977. Ia mempunyai tiga buah dermaga. Memandangkan pelabuhan ini baru saja dibuka, maka sudah tentulah ia menghadapi berbagai-bagai masalah. Bagaimanapun, saya berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapainya setakat ini.

Pembinaan Pelabuhan Kuantan sedang berjalan dengan baik. Breakwaters dan Quaywalls hampir siap. Pelabuhan ini mempunyai empat buah dermaga. Adalah dijangka pembinaan Pelabuhan Kuantan ini dijangka siap pada akhir tahun ini.

Untuk menentukan keselamatan pelayaran di kedua-dua Selat Melaka dan Singapura, Malaysia, Indonesia dan Singapura telah bersetuju di antara lain menubuhkan skim pemisahan Lalulintas di tempat-tempat yang sempit seperti di "One Fathom Bank", "Phillip Channel" dan di sebelah rumahapi Horsburgh. Selain daripada memisahkan kapal-kapal besar, terutama kapal-kapal minyak yang melalui tempat-tempat ini, ketiga-tiga negara telah bersetuju mengadakan "Untuk Keel Clearance" kapal-kapal yang melalui selat-selat ini kepada 3.5 meter sahaja. Kemudahan-kemudahan alat membantu pelayaran akan diperbaiki dan ditambah lagi di kedua-dua selat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pelabuhan, saya suka hendak memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan baru-baru ini telah bersetuju menubuhkan Majlis Penasihat Pelabuhan Negara di mana Kementerian saya adalah urusetia kepada Majlis tersebut, dengan tujuan menyelaraskan kegiatan, perancangan dan pembangunan semua pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

Dengan penubuhan Majlis ini semua aspek pelabuhan dapat diselaraskan yang pada masa ini di bawah berbagai-bagai bidang kuasa.

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada bulan Mac, 1977 di Kuala Lumpur yang bertujuan menyelaras dan mengawasi projek-projek kerjasama di bidang angkutan dan perhubungan di rantau ASEAN. Untuk memudahkan perlaksanaan projek-projek kerjasama ini empat jawatankuasa kecil yang khusus telah ditubuhkan, iaitu Jawatankuasa Kecil Perkapalan dan Pelabuhan, Jawatankuasa Kecil Penerbangan Awam dan Perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan, Jawatankuasa Kecil Pos dan Telekom, dan Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Darat.

Kemajuan-kemajuan yang telah tercapai setakat ini termasuklah penggunaan "traffic signs and signals" yang seragam di negara-negara ASEAN, tukar menukar lawatan pegawai-pegawai keretapi, pembinaan bahagian pertama rangkaian kebel dasar laut ASEAN, dan mengadakan kemudahan perjalanan yang menarik dengan "Asean Circle Trip Fare". Dua buah persatuan-persatuan tuannya-tuannya kapal ASEAN, dan persatuan lembaga-lembaga pelabuhan ASEAN telah dapat ditubuhkan tahun lalu.

Beberapa negara maju telah menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan jawatankuasa ini dan adalah dijangka rundingan-rundingan akan diadakan dengan Canada, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan Jepun untuk mendapatkan bantuan-bantuan teknikal terhadap projek-projek yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kejayaan-kejayaan yang telah saya sebutkan di atas ini boleh ditingkatkan lagi dan saya sungguh berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang telah banyak memberi pandangan-pandangan tentang perjalanan Kementerian saya dan saya berjanji perkara-perkara itu akan saya timbang dan akan dilaksanakan jika difikirkan menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pada keseluruhannya akan perkembangan yang telah berlaku di negara kita ini sejak sebelum merdeka hingga masa

ini dari segi politik, ekonomi, sosial, kebudayaan serta juga pendidikan. Kita baru sahaja mendengar ucapan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas beberapa perkara.

Lebih 20 tahun yang lalu apabila negara kita baru sahaja hendak mencapai kemerdekaan, ada golongan-golongan yang tertentu yang telah menyatakan rasa keraguan mereka apakah rakyat Malaya yang terdiri daripada berbagai-bagai keturunan bangsa dapat memerintah negaranya sendiri dengan aman dan makmur serta dengan penuh perasaan muhibbah dan perpaduan seperti di bawah pemerintahan Inggeris beratus tahun lamanya. Anggapan dan sangkaan mereka itu nyata tidak benar sama sekali kerana pemimpin kita pada masa itu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra telah membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaya mampu untuk menadbirkan negara mereka sendiri sehingga menjadi sebuah negara model atau contoh kepada negara-negara yang baru merdeka di dalam dunia.

Sejak dari itu negara kita ini telah menempuh tiga zaman pemerintahan oleh tiga orang pemimpin yang bijak, cekap serta jujur yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra diikuti pula oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan pada masa ini di bawah pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Hussein bin Onn. Ketiga-tiga orang pemimpin kita ini sentiasa merancang kehidupan rakyat Malaysia supaya mereka hidup di dalam keadaan yang lebih baik dari tahun ke tahun. Tema pemerintahan ketiga-tiga orang pemimpin kita ini ialah perpaduan, keharmonian, pembangunan dan ekonomi.

Apabila kita mencapai kemerdekaan tugas yang utama yang telah dilaksanakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra ialah mengisi kemerdekaan iaitu meninggikan lagi taraf hidup rakyat melalui pembangunan, pendidikan membasmi buta huruf, melipatgandakan lagi usaha-usaha perdagangan dan perusahaan serta juga merapatkan lagi tali persahabatan antara satu kaum dengan satu kaum yang lain.

Negeri-negeri Sabah dan Sarawak telah menyertai kita dalam tahun 1963 dan Malaysia pun ditubuhkan.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan Kabinetnya yang baru dengan mengorientasikan tujuan Kerajaan dan segala tindakan Kerajaan kepada kehendak rakyat, baik di bandar atau di luar bandar. Kita telah membuktikan dengan rancangan-rancangan kemajuan luar bandar dan usaha-usaha untuk mendirikan kilang-kilang dan mempelbagaikan perkhidmatan perdagangan, bahawa kemerdekaan adalah satu peluang yang keemasan untuk membuat segala ini, yang telah diabaikan oleh Pentadbiran Kolonial dulu.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah dibantu dengan cekapnya oleh Tun Abdul Razak yang dianggap Bapak Pembangunan Malaysia. Tun Razak di masa Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama dan Kedua banyak bertanggungjawab melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan menyusun semula masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Di bawah pemerintahan Parti Perikatan dahulu jentera pembangunan kita telah berjalan semakin kencang merancangkan berbagai-bagai projek pembangunan sematamata hendak meninggikan taraf hidup rakyat dari semua kaum baik di luar bandar, ladang-ladang getah, di perkampungan-perkampungan baru serta juga di bandar-bandar. Tun Razak mempunyai pandangan yang jauh dan bertanggungjawab memulakan "House-ownership Democracy" yang membolehkan berpuluh-puluh ribu penduduk yang tidak mempunyai rumah sekarang ini hidup dengan sempurna mempunyai rumah masing-masing. Lebih banyak lagi tanah telah dibuka oleh Felda dan pekerja-pekerja di ladang-ladang telah diberi peluang mendapatkan rumah masing-masing setelah bersara. Rancangan perumahan yang pertama sekali untuk pekerja-pekerja ladang telahpun dibuka pada 25hb Mac bulan yang lalu. Projek-projek perumahan yang dianggap penting telah dapat kita laksanakan dengan kerjasama pengurusan ladang, kesatuan sekerja, para pekerja dan dibantu pula oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Perumahan dan Perkampungan serta lain-lain agensi Kerajaan Barisan Nasional. Kita tidak boleh lupakan pimpinan Tun Razak atas perkara ini. Di dalam kita mengenangkan jasa-jasa Tun Abdul Razak itu, rakyat Malaysia haruslah juga berterima kasih kepada Allahyarham

Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail yang juga telah berjuang membebaskan negara ini dari penjajahan dan seterusnya memimpin kita ke arah kemajuan dan pembangunan. Sikapnya yang dinamik, tegas dan adil itu telah disanjung tinggi oleh semua rakyat sampai ke akhir hayatnya. Orangnya pendiam, tetapi kegiatan beliau di dalam arena politik dan ekonomi negara telah mengharumkan nama Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kita telah dapat mengidentifikasi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh rakyat bukan sahaja dari golongan Bumiputra tetapi juga dari kaum China, India dan lain-lain. Oleh yang demikian, segala projek pembangunan telah dibuat untuk faedah semua rakyat dan kaum dan tidak meninggalkan siapa-siapa pun.

Di dalam hubungan ini saya gembira bahawa orang-orang keturunan India juga telah ditarik bersama-sama ke dalam arus perkembangan ekonomi negara menjadikan masyarakat India-Malaysia satu golongan yang mempunyai penuh tanggungjawab terhadap kemajuan rakyat.

Di samping menggalakkan pembangunan di dalam negeri, Tun Abdul Razak telah mencatatkan nama yang harum bagi Malaysia apabila beliau mencadangkan rantau ASEAN ini sebagai satu kawasan yang "Bebas, Aman dan Berkecuali" dan yang kemudiannya telah disambut baik bukan sahaja oleh negara-negara Asia bahkan juga dari kuasa-kuasa besar di dunia. Dasar luar negeri Malaysia ialah hendak mengadakan hubungan persahabatan dan perdagangan dengan sebarang negara yang ingin hendak bersahabat dan berdagangan dengan kita, kecuali mereka tidak mencampuri hal ehwal dalam negara kita.

Sayang seribu kali sayang, Tun Abdul Razak telah meninggalkan kita terlebih dahulu dengan tidak sempat menikmati hasil usaha-usahanya di bidang diplomasi antarabangsa serta juga di dalam lapangan pembangunan. Tugasnya yang belum selesai itu telah diambil pula oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Onn yang menjadi Perdana Menteri Malaysia Yang Ketiga. Yang Amat Berhormat Datuk Hussein adalah seorang pemimpin yang adil

dan dalam masa yang singkat beliau menjadi Perdana Menteri telah mendapat penghormatan yang besar bukan sahaja dari rakyat Malaysia bahkan juga dari pemimpin-pemimpin negara-negara Komanwel dan lain-lain.

Kita juga bertuah mendapat seorang Timbalan Perdana Menteri yang bijak dan cekap serta pintar menganalisa berbagai-bagai masalah yang melibatkan pembangunan ekonomi negara. Walaupun Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu masa dahulu dianggap radikal dan ultra tetapi pada masa sekarang kita dapat melihat beliau sebagai seorang pemimpin yang suka menghadapi masalah secara objektif. Menurutnyanya semua rakyat hendaklah diberikan peluang-peluang yang sama di semua bidang. Inilah sebenarnya konsep Parti Barisan Nasional kita iaitu adil dan saksama di dalam semua perkara. Oleh kerana konsep inilah rakyat Kelantan telah turun mengundi dan memilih Barisan Nasional sebagai parti yang memerintah negeri Kelantan dan yang akan memberikan kemajuan besar kepada mereka di dalam tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Parti Barisan Nasional ialah hendak menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dan meneruskan program menyusun semula masyarakat kita untuk menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara.

Kita sedia maklum bahawa terdapat berbagai-bagai masalah yang timbul di dalam usaha kita membangunkan negara. Umpamanya, kekurangan masyarakat India-Malaysia di bidang pengurusan, bank, kekurangan peluang-peluang di dalam rancangan membuka tanah, kekurangan pusat-pusat pengajian tinggi dan berbagai-bagai masalah yang melibatkan kepentingan rakyat. Kesemuanya ini telah dibawa ke pengetahuan Kerajaan Barisan Nasional dan adalah menjadi tugas kita semua berusaha memperbaiki lagi hidup rakyat. Parti Barisan Nasional adalah sebuah parti politik yang "committed" kepada pembangunan negara yang ingin menyaksikan kemajuan berlaku di semua bidang. Kita tidak mahu dan tidak juga akan memainkan sentiment rakyat dengan membuat berbagai-bagai janji palsu seperti yang berlaku di kalangan parti-parti politik yang lain.

Seperti disebutkan di dalam Tital Di Raja, kejayaan Dasar Ekonomi Baru kita berkehendakkan kerjasama di antara semua pihak dan satu semangat meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan sendiri atau kepentingan segolongan masyarakat. Pada masa ini Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmikan kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat untuk memberi peluang yang sama kepada semua rakyat, telah diterima baik dari kebanyakan apisan rakyat.

Dasar Ekonomi Baru adalah suatu yang amat penting untuk negara kita. Kita tidak boleh meneruskan keadaan di mana satu golongan keluarga yang besar di bandar dan di luar bandar menghadapi kerumitan dalam kehidupan mereka kerana kekurangan pendapatan dan kekurangan keupayaan bagi memajukan diri. Ataupun Malaysia tidak akan mempunyai keteguhan dalam suasana politik dan ekonominya jika peluang-peluang untuk permodalan, pekerjaan dan penyertaan di dalam beberapa projek kemajuan tidak seimbang dalam semua keturunan rakyat negara ini.

Target kita ialah untuk memiliki 70% daripada permodalan dalam negara kita. Target ini adalah dirancangan di dalam tempoh yang agak panjang supaya membolehkan segala usaha mencapainya dijalankan secara licin dan flexible. Saya rasa matlamat kita dari segi permodalan ini hanya akan dapat dicapai jika sekiranya masyarakat perdagangan dan perusahaan luar negeri dan tempatan memberikan kerjasama mereka yang tidak berbelah bagi. Kerajaan akan terus melaksanakan tindakan dan nasihat kepada semua pihak dalam perkara ini dan juga membekalkan kepada sektor swasta pemuda-pemudi Malaysia yang mempunyai pelajaran, kemahiran dan kebolehan dalam segala aspek urusan firma-firma dan kilang-kilang perusahaan.

Dalam perkara rakyat Malaysia memiliki permodalan, usaha-usaha yang diambil sehingga ini telahpun mula berhasil. Di mana terdapat kekurangan individu-individu yang boleh melaburkan modal dalam sesuatu usaha, Kerajaan telah menubuhkan Badan-badan Berkanun untuk membolehkan mereka memegang saham-saham dalam firma-firma sehingga individu-individu itu mempunyai keupayaan bertanding dengan firma-firma yang telah lama establish.

Saya mengambil kesempatan ini juga menyeru sektor swasta supaya mengawasi dasar Kerajaan di dalam memberi peluang-peluang pekerjaan kepada semua tanpa mengira keturunan. Penglibatan sektor swasta di dalam pembangunan perusahaan dan perdagangan adalah penting dan oleh yang demikian pengambilan kakitangan juga hendaklah selaras dengan dasar Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia beruntung mendapat seorang Perdana Menteri yang berjiwa rakyat dan ingin menyaksikan jentera Kerajaan berjalan dengan lancar supaya segala projek-projek pembangunan dapat dijalankan mengikut jadual. Wang lebih \$18 billion untuk lima tahun ini adalah satu jumlah wang yang besar yang telah dan akan dibelanjakan oleh Kerajaan bagi membiayai berbagai-bagai projek yang memberikan untung besar kepada rakyat.

Sokongan rakyat dalam menjayakan usaha-usaha Kerajaan ini adalah mustahak. Rakyat negara ini bersedia memberikan kepercayaan mereka yang penuh kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional dan "Understanding" yang telah kita buktikan itu akan menjadi satu pendorong bagi Yang Amat Berhormat Datuk Hussein supaya terus memimpin negara ini dengan baik. Di dalam jangkamasa yang pendek beliau memegang teraju Kerajaan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein telah "brought a feeling of security, stability and solidarity with fairness and firm decisions" di kalangan rakyat.

Sebagai seorang yang bernasib baik berkhidmat berapa tahun di dalam Dewan yang mulia ini, saya berasa bangga dan puas hati bahawa segala usaha Kerajaan di bawah Perikatan dan sekarang Barisan Nasional telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kita berazam akan terus mara ke hadapan di dalam melaksanakan program pembangunan kita. Rakyat Malaysia sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain serta juga mengiktiraf akan nilai-nilai agama dan seni kebudayaan masing-masing kaum. Kita menghargai akan perasaan dan inspirasi rakyat. Kita berazam untuk bersatu di dalam usaha-usaha pembangunan negara.

Dari segi keselamatan juga Kerajaan adalah menjamin bahawa segala ancaman musuh baik dari dalam mahu pun dari luar

akan ditentang dengan hebatnya. Pasukan Keselamatan daripada semua keturunan yang terdiri daripada anggota tentera dan polis sentiasa mengawasi ketenteraman dan keselamatan negara. Mereka berkhidmat dengan cemerlang dan telah mengorbankan jiwa masing-masing untuk mempertahankan kedaulatan negara ini daripada ancaman penganas komunis dan anasir-anasir subversif.

Kerajaan dan rakyat apabila berpuashati di atas kejayaan yang kita capai masih ada lagi "improvement" yang patut kita buat dalam program pembangunan. Tidak boleh dinafikan bahawa di bawah pemerintahan Barisan Nasional kita telah mencapai kemajuan di dalam semua lapangan keperluan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga orang pemimpin kita ini daripada tahun-tahun lima puluhan hinggalah ke tahun-tahun tujuh puluhan telah membawa nikmat melalui rancangan pembangunan ekonomi mereka kepada rakyat dan negara ini. Sungguhnya, dayausaha dan titik peluh mereka di dalam membangunkan rakyat supaya mengenalkan identiti mereka sebagai Malaysian haruslah dicatitkan dengan tinta emas dan menjadi bahan sejarah kepada jenerasi Malaysia yang akan datang.

Rakyat Malaysia adalah terdiri daripada berbagai keturunan dan ugama dan mengandungi beberapa kumpulan seni kebudayaan dan yang telah memberikan semangat dedikasi mereka untuk memastikan supaya negara Malaysia mencapai kejayaan yang cemerlang. Sebagai Wakil-wakil Rakyat yang diberi kehormatan dan keistimewaan mewakili rakyat dari seluruh negara adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kita untuk menjalankan tugas sedaya upaya supaya segala matlamat yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tercapai. Oleh yang demikian, samada kita ini members of government, penyokong-penyokong Kerajaan atau dari parti-parti Pembangkang, pegawai-pegawai Kerajaan, para pekerja, petani ataupun rakyat jelata daripada berbagai lapisan masyarakat kita semua mempunyai tanggungjawab menjamin dan mengukuhkan lagi kestabilan politik dan ekonomi yang sedia ada di negara ini. Marilah kita bersama-sama bersatu-padu memimpin dan mentadbirkan negara ini supaya menjadi aman dan makmur. Saya bersedia

menerima sebarang cadangan-cadangan yang constructive daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan criticism-criticism yang membina dari orang ramai demi untuk menjaga kemakmuran, keamanan dan keselamatan negara kita.

4.42 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia telah merujuk kepada keadaan ekonomi kita yang menggalakkan dan keadaan kewangan yang kukuh. Setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga menyentuh tentang kemajuan ekonomi kita yang baik. Dengan ini suka saya huraikan mengenai kemajuan ekonomi dan kewangan semenjak Perutusan Belanjawan saya di Persidangan Dewan Negara dalam bulan Disember tahun lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengetahui bahawa di samping keadaan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang tidak tetap dan juga keadaan merosot, ekonomi Malaysia masih menunjukkan keteguhannya. Keteguhan ini telah membolehkan Malaysia mencapai paras pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan seterusnya menghasilkan kestabilan kewangan serta kedudukan imbalan pembayaran yang kukuh.

Keluaran Negara Kasar Malaysia sekarang dianggarkan telah meningkat sebanyak 7% tahun lalu. Kadar pertumbuhan yang memuaskan ini telah dicapai dalam suasana kemerosotan pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian. Umpamanya pertumbuhan ekonomi di negara perindustrian yang utama telah meningkat hanya sebanyak 3.5% manakala ekonomi Amerika Syarikat pula bertambah sebanyak 4.9%, ekonomi Jerman Barat sebanyak 2.4% dan ekonomi United Kingdom tumbuh hanya sebanyak 0.25% dalam tahun 1977. Hanya satu sahaja negara perindustrian utama yang telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu negara Jepun, di mana pertumbuhan ekonominya meningkat sebanyak 5.1% berbanding dengan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 7%.

Begitu juga, Malaysia telah mencapai satu paras kestabilan harga yang memuaskan. Angkatunjuk kos kehidupan kita bertambah sebanyak 4.7%, iaitu lebih rendah daripada

anggaran belanjawan kita sebanyak 5%. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama juga, kadar inflasi di negara-negara perindustrian utama pada keseluruhannya telah meningkat sebanyak 8.6%. Kadar inflasi di negara Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 6.5% manakala kadar inflasi di negara Jepun telah bertambah sebanyak 8%.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita telah mencapai paras yang lebih baik daripada yang dijangka, namun kita akan terus menggunakan langkah-langkah perlu sekurang-kurangnya untuk memperkukuhkan kedudukan itu seberapa yang boleh, jika usaha itu tidak dapat membantu mengurangkan kos kehidupan di Malaysia.

Kedudukan kewangan kita juga telah bertambah baik pada tahun lepas. Saya suka merujuk Ahli-ahli Yang Berhormat kepada kenyataan saya dalam Ucapan Belanjawan 1978 di Dewan Rakyat pada 28hb Oktober, tahun lalu bahawa kita menjangka lebih akaun semasa kira-kira \$355 juta dalam tahun 1977. Bagaimanapun, anggaran terakhir sekarang menunjukkan bahawa belanjawan 1977 akan mencapai lebih akaun semasa sebanyak kira-kira \$500 juta. Lebih kedudukan kewangan yang besar itu adalah disebabkan prestasi hasil yang lebih baik dan juga pengurusan perbelanjaan yang berhati-hati. Saya ingin menambah bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan yang berterusan untuk mencapai lebih kedudukan kewangan dalam tahun-tahun yang menggalakkan supaya jumlah yang besar itu dapat dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk menjalankan rancangan-rancangan pembangunan yang sedang berjalan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Prestasi ekonomi Malaysia yang menggalakkan ini tidak setakat membanggakan Kerajaan dan rakyat negara ini sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu merasa bangga mengetahui bahawa Tabung Matawang Antarabangsa juga telah memuji Malaysia di atas kejayaan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan yang menggalakkan itu. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Tabung Matawang Antarabangsa yang mana mewakili 133 buah negara telah memuji kedudukan ekonomi Malaysia apabila menimbang dan menerima Laporan Tabung Matawang Antarabangsa baru-baru ini. Ahli-ahli Yang Berhormat

sudah tentu akan merasa gembira mengetahui bahawa Lembaga Pengarah Matawang Antarabangsa telah mensifatkan kejayaan ekonomi Malaysia disebabkan oleh pengurusan yang cekap oleh Kerajaan Malaysia.

Lembaga Pengarah Tabung Matawang Antarabangsa adalah badan yang paling layak sekali untuk membuat penilaian yang objektif terhadap keadaan ekonomi dan kewangan sesebuah negara. Walaupun pihak Tabung Matawang Antarabangsa telah memberi pujian kepada Malaysia kerana kejayaan-kejayaan ekonomi dan kewangannya, dalam pada itu mereka telah mengkritik dan menyuarakan perasaan tidak puashati terhadap dasar-dasar fizikal dan kewangan yang dilaksanakan di beberapa negara perindustrian utama. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa pemimpin-pemimpin negara ini telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai kurangnya azam, politik di kalangan pemimpin-pemimpin negara-negara perindustrian untuk menggunakan dasar-dasar ekonomi yang berpatutan dalam negara mereka sendiri dan kurangnya kepimpinan di bidang ekonomi yang menyebabkan tidak ada penyelarasan yang baik dan hampir tidak ujud pendekatan bersama di kalangan negara-negara perindustrian utama bagi memperbaiki keadaan ekonomi dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa pada masa ini terdapat perunding-perunding di peringkat tertinggi di kalangan negara-negara perindustrian utama untuk mencari jalan bagi memperbaiki iklim dan prospek ekonomi antarabangsa. Mengenai perkara ini, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada masalah ekonomi antarabangsa yang penting. Masalah-masalah itu ialah:

- (1) berterusan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan;
- (2) perdagangan antarabangsa yang lembab;
- (3) jatuhnya nilai Dollar dan masalah-masalah matawang antarabangsa yang timbul yang berkaitan dengannya;
- (4) masalah sekatan terhadap impot;
- (5) kegagalan sesebuah negara perindustrian yang terkemuka untuk menyelesaikan masalah minyak dan impot;
- (6) paras inflasi dan pengangguran yang masih tinggi.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, terdapat perselisihan faham yang besar di kalangan negara-negara perindustrian utama, pertama sekali, mengenai apa yang perlu dibuat bagi memperbaiki keadaan ekonomi antarabangsa. Kedua, siapa atau negara mana yang sepatutnya menggunakan inisiatif mengambil langkah-langkah perlu untuk memulihkan keadaan ekonomi daripada kemerosotan yang dialami pada masa ini.

Walaupun banyak yang berpendapat bahawa negara-negara yang mempunyai lebihan imbalan pembayaran yang besar seperti negara Jepun dan Jerman Barat, sepatutnya mengambil tindakan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi mereka dan dengan itu mengurangkan lebihan yang terdapat pada mereka, negara-negara ini setakat ini masih tidak bertindak dengan secukupnya.

Negara Jerman Barat, terutamanya, telah menolak desakan-desakan ke atasnya bagi menggalakkan pertumbuhan ekonominya oleh kerana pihak berkuasa negara tersebut berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat akan mengakibatkan inflasi, dan seterusnya menghalang pertumbuhan ekonominya. Sebaliknya, negara Jepun telah membuat akuan untuk mencapai pertumbuhan ekonominya sebanyak 7% tahun ini, tetapi keadaan sekarang menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan yang tinggi itu mungkin tidak akan tercapai.

Dengan itu, adalah jelas bahawa oleh kerana strategi yang apa dinamakan strategi lokomotif gagal, strategi sebaliknya yang dinamakan strategi konvoy mungkin akan juga gagal. Strategi konvoy adalah satu strategi untuk menggalakkan negara-negara perindustrian utama untuk mengembangkan ekonomi-ekonomi menerusi kerjasama dengan negara-negara yang mempunyai lebihan imbalan pembayaran memainkan peranan penting dalam kumpulan negara-negara perindustrian itu.

Sungguhpun negara-negara pengeluar minyak mempunyai alasan yang baik untuk menaikkan harga minyak disebabkan kejatuhan nilai dollar Amerika, tetapi mereka telah tidak berbuat demikian setakat ini. Sikap negara-negara pengeluar minyak itu secara tidak langsung telah menyumbang kepada kestabilan ekonomi antarabangsa.

Negara-negara OPEC telah juga menanggukkan mesyuarat mereka daripada bulan ini kepada bulan depan dengan harapan bahawa Amerika Syarikat akan dapat mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengukuhkan lagi nilai dollar Amerika sebelum mereka mengkaji semula harga minyak mentah.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat adalah juga dijangka mengembangkan ekonominya bagi membolehkannya membantu pemulihan ekonomi dunia. Jangkaan ini adalah bersesuaian dengan keperluan ekonomi dalam negerinya sendiri untuk memperbaiki keadaan pengangguran yang tinggi melebihi 6% di tahun lalu. Bagaimanapun dengan jatuhnya nilai dollar Amerika Syarikat baru-baru ini dan kerana sebab-sebab yang lain, keadaan inflasi di Amerika Syarikat telah tidak juga turun, malah mungkin akan bertambah. Oleh kerana itu, Amerika Syarikat nampaknya lebih mengutamakan soal inflasi daripada mengutamakan soal pengangguran. Oleh sebab itu, sekarang ini terdapat di Amerika Syarikat tekanan untuk mengurangkan inflasi serta mengukuhkan dollar Amerika. Memang Amerika Syarikat mempunyai kemampuan untuk mengukuhkan matawangnya sekiranya mereka berazam:

- (1) bertindak dengan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah-masalah minyak;
- (2) menggunakan simpanan emasnya serta S.D.R. untuk membeli dengan banyaknya dollar Amerika Syarikat di pasaran dunia akibat imbalan pembayaran yang tidak sihat yang dialami selama ini.

Malangnya, Amerika Syarikat tidak dapat menyakinkan dunia bahawa mereka sanggup bertindak dengan segera untuk menyelesaikan masalah-masalah kewangan dan ekonomi antarabangsa. Sebenarnya, sekiranya keadaan sekarang ini berterusan di mana perhatian utama adalah tertumpu kepada kestabilan dalam negara dan tidak untuk memperhebatkan perkembangan ekonomi, ianya tidak akan menjamin pemulihan ekonomi dunia sebagaimana yang dijangkakan bahkan boleh menjejaskan keadaan yang sudahpun tidak baik ini.

Sekiranya pemimpin-pemimpin politik di negara-negara perindustrian utama tidak

memberi perhatian yang berat terhadap ekonomi antarabangsa tetapi sebaliknya menumpu perhatian kepada masalah dalam negara masing-masing, kemerosotan ekonomi yang dialami dalam masa tiga bulan yang lampau mungkin tidak akan dapat dikawal. Sekarang ini nampaknya ada kecenderungan untuk menjaga kepentingan masing-masing. Misalnya, negara-negara kumpulan negara-negara Pakatan Ekonomi Eropah (E.E.C.) meminta negara Jepun mengurangkan eksportnya dan menambahkan impotnya daripada negara-negara itu seperti membeli kapal-kapalterbang buatan negara-negara itu. Tetapi negara Jepun bersama-sama negara-negara maju lain telah mendesak Amerika Syarikat mengurangkan impot minyak mentah dari luar negeri. Amerika Syarikat pula telah meminta negara-negara yang lain mengambil langkah untuk mengembangkan ekonomi masing-masing. Jadi sekarang ini timbul suatu keadaan dalam mana satu negara daripada kumpulan negara-negara perindustrian utama menunggu yang lain untuk mengambil tindakan yang awal. Keadaan ini telah menimbulkan masalah di kalangan antarabangsa yang mungkin akan membawa kepada kegagalan dalam sidang kemuncak negara-negara perindustrian utama yang dijadualkan pada bulan Julai di Bonn, Republik Jerman sekiranya ke semua negara-negara ini mempunyai sikap yang sedemikian rupa. Kita berharap keadaan ini tidak akan berlaku.

Kita telah bernasib baik kerana negara kita telah dapat mengatasi masalah-masalah ini dengan jayanya. Ini disebabkan kita telah dapat mengeluarkan bahan-bahan utama seperti getah, bijih timah, dan kelapa sawit yang telah meletakkan kita dalam kedudukan yang kukuh. Lagi pula kita mempunyai minyak yang akan membawa faedah kepada negara kita walaupun harga minyak dinaikkan. Pertamanya, pendapatan daripada eksport minyak mentah telah naik bukan sahaja kerana pertambahan harganya tetapi juga kerana bahan-bahan ini mempunyai mutu yang tinggi. Keduanya getah asli kita telah mendapat harga yang baik di pasaran dunia sungguhpun dunia menghadapi keadaan ekonomi yang meleset. Ini disebabkan kos untuk mengeluarkan getah tiruan telah melambung naik oleh kerana kenaikan harga minyak mentah.

Sungguhpun demikian kita tidak bergantung kepada pendapatan daripada bahan-bahan mentah ini semata-mata. Tetapi sebaliknya kita cuba menyesuaikan keadaan dalam negara kita mengikut kehendak kita dan seboleh-bolehnya tidak membenarkan keadaan yang berlaku di kalangan antarabangsa menentukan untung nasib kita. Oleh sebab itu, di masa yang sudah dan juga di masa hadapan kita akan berusaha dengan sedaya upaya yang boleh untuk mengurangkan apa-apa kesan yang tidak baik dengan seberapa yang boleh akibat dari pergolakan ekonomi dunia.

Oleh kerana itu dalam Ucapan Belanjawan 1978 yang telah disampaikan dalam Dewan yang mulia ini dalam bulan Oktober 1977 Kerajaan telah mengakui bahawa pentingnya kita mengambil langkah-langkah yang boleh membantu kedudukan ekonomi kita supaya tidak terjejas kerana pergolakan ekonomi antarabangsa. Setengah daripada langkah-langkah itu yang saya akan terangkan sekejap lagi telahpun membawa hasil yang baik.

Dalam Perutusan Belanjawan 1978 kepada Dewan Negara pada bulan Disember 1977 yang lalu, saya telah meramalkan bahawa jumlah perbelanjaan pembangunan untuk seluruh tahun 1977 akan mencapai \$3,300 juta. Sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa mengikut maklumat terakhir yang saya terima, jumlah perbelanjaan pembangunan untuk seluruh tahun 1977 telahpun melebihi angka ramalan saya itu kerana anggaran perbelanjaan sebenar sehingga sekarang ialah \$3,317 juta. Ini menunjukkan prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1977 telah meningkat lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi pada tahun 1976 yang mencapai perbelanjaan sebenar setakat \$2,335 juta sahaja.

Saya juga telah nyatakan awal tadi bahawa Angka Tunjuk Harga Pengguna untuk seluruh tahun 1977 diramalkan dalam ucapan Belanjawan saya mungkin meningkat lebih kurang sebanyak 5% walhal kadar kenaikan yang didapati sekarang ialah 4.7% sahaja. Ini membuktikan bahawa walaupun terdapat kenaikan yang agak tinggi dalam perbelanjaan pembangunan, namun ianya tidak memberi apa-apa kesan terhadap kenaikan Angka Tunjuk Harga Pengguna dalam negeri ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 ialah \$4,644 juta. Saya telah menyatakan dalam Perutusan Belanjawan 1978 kepada Dewan Negara bahawa angka ini adalah paras minima dan sesungguhnya Anggaran Pembangunan 1978 itu boleh meningkat kepada angka yang lebih tinggi. Sehingga sekarang, Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 telah meningkat kepada \$4,867 juta iaitu bertambah sebanyak \$223 juta lagi daripada anggaran asal. Tambahan ini ialah bagi Kementerian Pertanian sebanyak \$108 juta iaitu dari \$381 juta kepada \$489 juta, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebanyak \$33 juta iaitu dari \$566 juta kepada \$599 juta dan lain-lain Kementerian sebanyak \$82 juta.

Begitu juga dari segi perjawatan, sebanyak 4,115 jawatan tambahan telah diwujudkan dalam tahun ini sebagai tambahan kepada lebih kurang 29,000 jawatan baru yang telah diwujudkan semasa pemeriksaan Belanjawan 1978 diadakan dahulu. Saya yakin dan percaya dengan tambahan-tambahan perjawatan ini, prestasi pembangunan bagi tahun 1978 akan menjadi bertambah baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi butiran-butiran lanjut bersabit dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan prestasi Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun yang dijangka akan membantu dalam usaha Kerajaan memperkembangkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan projek Jalan-jalan Raya satu strategi baru telah diluluskan yang membolehkan pihak-pihak swasta mengambil bahagian. Jalan-jalanraya yang diletakkan di bawah kategori ini ialah:

- (i) Jalan Alor Star ke Changkat Jering;
- (ii) Jalan Ipoh Utara dan Ipoh Selatan;
- (iii) Jalan Seremban ke Segamat;
- (iv) Jalan Kulai ke Tampoi.

Penglibatan pihak swasta dalam projek-projek ini ialah pembinaan jalan-jalanraya itu dan penyenggaraannya. Mereka akan dibenar memungut tol yang berpatutan bagi

beberapa tahun untuk mendapat pulangan wang yang telah dibelanjakan untuk projek-projek itu. Cara ini juga akan meringankan tanggungan kewangan Kerajaan di samping membolehkan kakitangan Jabatan Kerjaraya menumpukan sepenuh tenaga mereka kepada projek-projek pembangunan yang lain. Pada masa ini tindakan sedang giat dijalankan bagi menentukan bahawa kontraktor yang dipilih mengikut kebolehan masing-masing untuk diberi tawaran, dengan syarat-syarat tertentu sepertimana yang dijalankan oleh negara-negara yang telah menjalankan projek ini. Adalah dijangkakan bahawa beberapa batang jalanraya yang tersebut di atas dapat dimulakan pembinaannya dalam tahun 1979.

Saya telah menyatakan di dalam ucapan Belanjawan tahun 1978 di dalam Dewan yang mulia ini, tentang pentingnya pembinaan jalan-jalan luarbandar yang akan memberi saluran pemasaran dan pengedaran yang lebih baik bagi hasil-hasil pengeluaran desa. Ini juga akan menggerakkan daya pengeluaran dan pendapatan penduduk-penduduk luarbandar.

Memandangkan bahawa peruntukan \$127 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu tidak mencukupi, maka Kerajaan telah meluluskan tambahan sebanyak \$350 juta lagi. Satu strategi baru telah disediakan untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan ini. Strategi ini melibatkan penyediaan projek-projek yang dikumpulkan supaya dapat dijalankan dengan besar-besaran. Dengan itu juga akan dapat lebih banyak peluang kepada penduduk-penduduk tempatan melalui penglibatan mereka sebagai pekerja-pekerja dalam rancangan-rancangan ini.

Saya suka mengambil peluang ini menyeru kepada pihak swasta terutama sekali dari kaum Bumiputra supaya tampil ke hadapan supaya dapat bersama-sama memainkan peranan dalam rancangan ini. Saya suka menegaskan di sini bahawa apabila peluang ini diberi kepada mereka yang berjaya mendapat kerja-kerja itu, maka mereka hendaklah memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan supaya dapat mereka mengambil bahagian secara langsung dalam rancangan pembangunan negara.

Penyenggaraan jalan-jalan kampung yang panjangnya lebih kurang 12,500 batu di Semenanjung Malaysia tidak dapat dijalankan dengan baiknya oleh Negeri-negeri oleh kerana kekurangan wang.

Sungguhpun jalan-jalan kampung ini adalah bertarafkan "sub-standard" namun gunanya kepada penduduk-penduduk luar-bandar amatlah penting dan besar. Jalan-jalan ini merupakan keperluan asas yang menghubungkan di antara satu kampung dengan kampung yang lain, dan juga menjadi penghubung sesebuah kampung dengan jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalanraya.

Dengan sebab cara pembinaannya yang tidak mengikut apa-apa penentuan teknikal J.K.R., maka timbullah masalah-masalah kerosakan dan penyenggaraan. Pembaikan dan penyenggaraan ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan punca-punca kewangan negeri-negeri yang tidak seberapa, cuba memikul bebanan ini setakat kemampuannya. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan telah mengambil tindakan yang positif untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam penyelenggaraan jalan-jalan kampung ini.

Bantuan-bantuan itu adalah seperti berikut:

- (a) Bantuan kewangan sebanyak \$60,000 kepada tiap-tiap daerah untuk membeli sebuah traktor kecil yang lengkap dengan grader, shovel dan tipping trailernya serta sebuah roller. Jentera ini diletakkan di bawah kawalan Pengawal Daerah.
- (b) Bantuan untuk menyelenggarakan jalan-jalan berkenaan berasaskan kadar sebanyak \$500 sebatu setahun.
- (c) Bantuan ini meliputi semua negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Untuk tahun 1978, sebanyak \$11 juta telahpun diperuntukkan.

Tindakan sedang pesat dijalankan dan dijangka pada awal bulan Mei, 1978 ini, 27 buah daerah-daerah di Semenanjung Malaysia akan mendapat jentera-jentera itu bagi menjalankan kerja-kerjanya. Bagi daerah-daerah yang lain, jentera-jentera ini akan diberi berperingkat-peringkat dan sebelum akhir 1978 semua daerah-daerah akan mempunyai jentera-jentera itu untuk memulakan kerja-kerja penyenggaraan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hasrat untuk memberi infrastruktur asas yang sempurna kepada penduduk-penduduk di kawasan perumahan awam kos rendah, Kerajaan telah memutuskan iaitu mulai dari tahun 1978 ini bantuan akan diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyelenggarakan jalan-jalan di kawasan perumahan tersebut. Pada masa ini keadaan jalan-jalan itu adalah sangat tidak memuaskan. Kerajaan-kerajaan Negeri pula tidak berkemampuan untuk menyelenggarakannya oleh sebab mutu jalan-jalan ini adalah rendah dan tidak layak untuk mendapat geran jalanraya yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan. Untuk menjimatkan tanah mutu minima jalan-jalan dalam kawasan perumahan ini adalah ditetapkan selebar 30 kaki sahaja berbanding dengan 40 kaki yang ditetapkan bagi jalan-jalanraya yang layak untuk mendapat geran penyelenggaraan biasa. Jadi dengan ini harga rumah itu dapat dikurangkan. Kadar bantuan yang akan diberikan bagi jalan-jalan ini ialah sebanyak \$3,700 sebatu setahun. Walau bagaimanapun, jalan-jalan masuk ke kawasan perumahan ini hendaklah mengikut mutu yang ditetapkan iaitu seluas 40 kaki. Jalan-jalan ini akan diberikan bantuan penyelenggaraan biasa yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Berhubung dengan soal perumahan awam kos rendah ini, suka juga saya menyatakan bahawa satu langkah yang telah dipersetujui oleh Kerajaan ialah memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu Tabung Wang Pusingan di negeri-negeri. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum projek-projek rumah awam kos rendah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia dan oleh Suruhanjaya Perumahan di Sabah dan Sarawak. Satu daripada masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek ini ialah masalah kekurangan wang, iaitu untuk pembiayaan projek di peringkat awalan seperti pengambilan tanah atau penyediaan tapak-tapak rumah dan sebagainya.

Selalunya ada "time-lag" atau beza masa di antara kelulusan bagi sesuatu projek perumahan dengan pengeluaran wang yang telah diluluskan untuknya. Untuk mengatasi masalah inilah maka Kerajaan Persekutuan

telah bersetuju supaya Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan satu Tabung Wang Pusingan untuk digunakan bagi membiayai perbelanjaan di peringkat awalan itu. Kerajaan Persekutuan akan memberi bantuan sebanyak \$5 juta kepada tiap-tiap Tabung itu dalam bentuk pinjaman dan peruntukan kewangan ini adalah diambil daripada peruntukan bagi projek-projek rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan cara ini adalah diharapkan Kerajaan Negeri akan dapat melaksanakan dengan cepatnya projek-projek rumah awam kos rendah yang amat penting dilaksanakan untuk faedah orang-orang yang berpendapatan rendah.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi bantuan kewangan kepada Penguasa-penguasa Tempatan dalam tiga bentuk seperti berikut:

- (a) Bantuan kewangan tahunan secara langsung sebanyak lebih kurang \$12.3 juta setahun;
- (b) Geran pelancaran sebanyak kira-kira \$48.1 juta bagi tempoh 6 tahun mulai tahun 1978; dan
- (c) Pengecualian berbagai jenis cukai yang bernilai lebih kurang \$2.5 juta setahun.

Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi bantuan-bantuan ini walaupun tanggungjawab bagi membiayai Penguasa-penguasa Tempatan ini sepatutnya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini dilakukan oleh kerana Kerajaan Persekutuan sedar bahawa kebanyakan Kerajaan Negeri tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk membiayai sepenuhnya aktiviti-aktiviti Penguasa-penguasa Tempatan. Adalah diharap dengan bantuan-bantuan ini, beban kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap Penguasa-penguasa Tempatan dapat dikurangkan sedikit. Di samping itu adalah diharapkan juga supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian sepenuhnya terhadap pengurusan dan pembangunan penguasa-penguasa Tempatan dalam negeri mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek-projek bekalan elektrik yang dirancangkan oleh L.L.N. bagi Rancangan Malaysia Ketiga akan menelan belanja sebanyak \$2,700 juta. Peruntukan yang telah diluluskan di

bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$1,252.4 juta. Projek-projek itu termasuklah bekalan letrik haidro Temenggor, Trengganu, Kenering, Bersia dan lain-lainnya Pasir Gudang Power Station, Prai Final Extension dan Letrik Luar Bandar.

L.L.N. mengalami kekurangan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek tersebut dan didapati perlu diberi bantuan dalam pembiayaan program pembangunannya oleh Kerajaan. Bantuan yang boleh diberi oleh Kerajaan adalah dalam bentuk penambahan ekuiti atau modal dan pemberian pinjaman jangka panjang dan pengeluaran jaminan ke atas pinjaman yang akan dibuat oleh L.L.N.

Memandangkan tenaga letrik adalah mustahak bagi pembangunan negara dan kebanyakan daripada projek-projek pembangunan L.L.N. memakan masa pelaksanaan yang lama, lima hingga lapan tahun maka Kerajaan telah memberi kelulusan bagi L.L.N. membuat penglibatan (commitment) sebanyak \$2,700 juta untuk perbelanjaan pembangunannya bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam projek bekalan letrik luar bandar pula, L.L.N. telah menubuh yunit letrik luar bandar di tiap-tiap negeri untuk memperhebatkan pelaksanaan projek-projek itu. Peruntukan tambahan sebanyak \$175 juta telahpun diluluskan bagi projek-projek bekalan letrik luar bandar itu.

Jabatan Talikom diperuntukkan \$1,080 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk melaksanakan projek-projeknya. Mengikut rancangan Talikom peruntukan yang dikehendaki untuk projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$2,390 juta.

Pada masa ini terdapat kekurangan perkhidmatan talikom dalam perdagangan dan pembangunan masyarakat. Kekurangan ini amatlah nyata jika dibandingkan bilangan penduduk Malaysia yang berjumlah lebih kurang 12 juta dengan jumlah talipon (talian ibusawat terus sebanyak 169,538 sahaja pada akhir tahun 1975. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Jabatan Talikom ber-cadang menambah sebanyak 342,862 lagi menjadikan kepada 512,394.

Kerajaan telah membenarkan Jabatan Talikom membuat commitment tidak lebih \$2,390 juta hingga 1980.

Selain dari itu Kerajaan juga telah meluluskan tambahan 9,645 jawatan baharu bagi Jabatan itu menyenggarakan sistem talipon berada di dalam situasi yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa kesemua langkah-langkah belanjawan yang saya baru sahaja sebutkan tadi, tentu akan menggalakkan pertambahan perbelanjaan-perbelanjaan pengguna dan pelaburan swasta dan seterusnya akan menyumbang terhadap perkembangan ekonomi dalam negeri.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang penglibatan kaum Bumiputra dalam bidang perniagaan selaras dengan matlamat Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dalam hal ini, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan adalah berusaha menggalakkan dan memupuk kaum Bumiputra dalam bidang kontrek. Bagi mencapai matlamat ini Kementerian saya pun mempunyai peranan yang penting dan secara langsung. Suka saya menyatakan bahawa satu daripada langkah-langkah tegas ke arah ini yang sedang saya ambil ialah menyusun semula Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan di Kementerian saya supaya Bahagian ini dapat dijadikan sebagai sebuah Badan Pembelian Pusat Kerajaan. Di bawah sistem ini, semua peraturan-peraturan serta cara-cara urusan kontrek dan tender akan diperkemas bukan sahaja dengan tujuan untuk menentukan semua kepentingan-kepentingan Kerajaan terus dipelihara, tetapi juga untuk menentukan penglibatan kaum Bumiputra dalam bidang kontrek secara lebih berkesan lagi.

Satu daripada masalah-masalah yang diberi perhatian berat sekarang ialah tentang pembayaran lambat oleh Jabatan-jabatan Kerajaan kepada setengah-setengah kontrek-kontrek bagi bekalan-bekalan dan juga pembayaran kemajuan. Pembayaran lambat ini membawa kesulitan-kesulitan kepada kontrek-kontrek, khasnya kepada kontrek-kontrek Bumiputra untuk mengukuhkan pendirian mereka selaras dengan dasar serta matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, tindakan telahpun diambil untuk menubuhkan satu Yunit Khas di Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan di Kementerian saya dan Yunit ini akan ditugaskan

untuk mengesan semua pembayaran lambat oleh Jabatan-jabatan Kerajaan termasuk Badan-badan Berkanun. Dengan ini, semua kelambatan pembayaran lebih daripada 30 hari selepas mengemukakan bil-bil mereka ke Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat bolehlah berhubung terus dengan Kementerian saya supaya aduan-aduan mereka itu dapat disemak dan tindakan serta-merta diambil. Lawatan-lawatan akan dibuat oleh pegawai-pegawai dari Yunit ini ke Jabatan-jabatan yang terlibat itu untuk menentukan supaya sistem pembayaran di Jabatan-jabatan tersebut dapat diperlicinkan dan kelambatan pembayaran diharap tidak akan berlaku lagi. Setakat ini aduan-aduan dari kontrek-kontrek dan syarikat-syarikat yang diterima oleh Kementerian saya telah diselidiki, tetapi dengan penubuhan Yunit Khas ini tindakan serta perhatian istimewa akan diberi kepada masalah ini dengan cara yang lebih berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah membuat beberapa cadangan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Antara lain beliau telah menyentuh tentang pinjaman kepada peniaga-peniaga Bumiputra. Dalam hal ini suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa mengikut perangkaan yang dikumpul oleh Bank Negara dalam tahun 1977 sebanyak 22,950 permohonan pinjaman telah dibuat oleh peniaga-peniaga Bumiputra kepada bank-bank. Permohonan-permohonan pinjaman ini bernilai sebanyak \$848.7 juta jumlahnya. Daripada ini, sebanyak 18,683 permohonan itu yang berjumlah sebanyak \$ 600.9 juta telah diluluskan. 2,990 permohonan yang bernilai sebanyak \$199.6 juta telah ditolak, dan bakinya sebanyak 1,977 adalah sedang dipertimbangkan. Dalam bentuk peratusan, daripada bilangan permohonan yang telah dipertimbangkan, 86.2% telah berjaya mendapat pinjaman-pinjaman itu, dan 13.8% telah tidak berjaya. Adalah difahamkan bahawa dalam menimbangkan permohonan-permohonan pinjaman itu, beberapa faktor penting diambil kira oleh bank-bank perdagangan seperti "viability" perniagaan-perniagaan atau projek-projek itu dan rekod-rekod pemohon-pemohon itu sendiri. Walau bagaimanapun, bahawasanya 86.2% daripada permohonan-permohonan yang telah dipertimbangkan telah berjaya mendapat

pinjaman itu menunjukkan bahawa peniaga-peniaga Bumiputra yang tulin dan mempunyai perniagaan-perniagaan atau projek-projek yang baik memang boleh mendapat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin menyatakan bahawa kejayaan dan kekukuhan kita malah juga kekuatan yang membolehkan kita bertindak, adalah juga disebabkan pengurusan politik yang baik dan usaha yang tinggi dalam semua sektor dan peringkat masyarakat. Tanpa usaha yang bersungguh-sungguh di kalangan petani, nelayan, pekerja-pekerja, peniaga, pasukan keselamatan dan kakitangan awam, kejayaan sosio-ekonomi kita mungkin tidak dapat dicapai.

5.28 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menjawab ulasan-ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana di dalam ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong telahpun menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah portfolio Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Terlebih dahulu, suka saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Kuala Lumpur Bandar dan Sepang mengenai pencemaran alam sekitar. Saya sukacita memberitahu iaitu cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membina akan saya ambil perhatian dan tindakan-tindakan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Kerajaan memang sedar bahawa masalah-masalah alam sekitar dan masalah-masalah pencemaran jika tidak dikawal akan mempunyai kesan-kesan yang buruk ke atas sumber alam semula jadi dan merosakkan serta membantutkan kemajuan-kemajuan yang dicapai melalui pembangunan ekonomi serta mengurangkan kualiti kehidupan rakyat. Oleh itu, pembangunan alam sekitar telah diberi perhatian yang lebih oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, sebagai suatu pentadbiran yang baru kesemua program yang menyeluruh tidak dapat diadakan dalam

waktu yang singkat. Tambahan pula masalah alam sekitar yang kita hadapi ini bukanlah satu masalah yang baru tetapi telah wujud sejak beberapa lama dahulu.

Di dalam menghadapi masalah-masalah alam sekitar yang berbagai itu, Kementerian saya telah mengadakan strategi-strategi yang ditujukan untuk mencegah dan mengawal masalah pencemaran serta memelihara kualiti alam sekitar pada masa yang akan datang. Strategi pertama ditunjukkan untuk mengawal masalah-masalah pencemaran yang telah timbul dan mengakibatkan kesihatan dan kebajikan orang ramai. Dalam hubungan ini berbagai peraturan kawalan pencemaran air dan udara telah dirangkaikan untuk kilang-kilang perusahaan bagi mengadakan alat-alat mencegah pencemaran air dan udara. Sehingga ini Peraturan-peraturan Mencegah Pencemaran Kelapa Sawit, Peraturan-peraturan bagi Mengawal Pelepasan Gas dan Asap daripada Kenderaan Bermotor telahpun diwartakan. Lain-lain peraturan yang sedang disediakan termasuklah Peraturan-peraturan Udara Bersih, Peraturan-peraturan bagi Mengawal Pelepasan Getah dan Peraturan-peraturan Mengawal Pelepasan Effluen Perindustrian. Penguatkuasaan peraturan-peraturan ini akan dijalankan dengan berkesan tidak beberapa lama lagi.

Strategi yang kedua melibatkan soal-soal penempatan kilang-kilang perindustrian dalam hubungannya dengan kawasan-kawasan kediaman. Kementerian saya telah menyediakan suatu peraturan yang mengandungi garis-garis panduan mengenai tempat letak kilang-kilang dan ini telah diedarkan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan projek-projek perumahan atau perindustrian. Ini adalah suatu praktik untuk menentukan agar kilang-kilang perindustrian tidak menimbulkan masalah pencemaran secara langsung terhadap penduduk-penduduk di sekitarnya. Aspek-aspek ini akan juga diteliti oleh Bahagian Alam Sekitar apabila memproses permohonan lesen daripada kilang-kilang di bawah peraturan-peraturan yang berkenaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ketiganya ialah langkah-langkah di dalam perancangan di dalam bidang-bidang kegiatan yang mempunyai kesan-kesan ke atas alam sekitar. Ini adalah bertujuan untuk menentukan agar pertimbangan-pertimbangan ke atas alam sekitar dicantumkan di dalam keseluruhan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan, agar masalah alam sekitar dapat dikawal pada peringkat yang awal serta mengurangkan kos pengolahan bahan-bahan pencemaran. Suatu kaedah kajian nilai alam sekitar yang menyeluruh (*environmental impact assessment*) telah disediakan oleh Bahagian Alam Sekitar sedang pada masa ini dikaji oleh Kerajaan. Sistem seperti ini mempunyai implikasi yang luas dan melibatkan berbagai agensi Kerajaan dan sektor awam. Oleh itu, ianya perlu dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan.

Mengenai pandangan-pandangan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum masalah-masalah alam sekitar yang kita hadapi bukanlah satu masalah yang baru tetapi adalah telah timbul lama dahulu akibat daripada berbagai kegiatan-kegiatan kita sendiri ke atas alam sekitar samada dari segi perindustrian, urbanisasi, pembukaan tanah, pembalakan dan sebagainya.

Di dalam menghadapi masalah-masalah ini serta menepati dasar pengurusan alam sekitar, Kementerian saya telah mengadakan strategi-strategi yang berikut:

- (i) Kawalan pencemaran.
- (ii) Penyusunan tempat letak kilang-kilang perindustrian dan kawasan kediaman.
- (iii) Perancangan di dalam bidang-bidang kegiatan yang mempunyai kesan-kesan ke atas alam sekitar dan "*environmental conservation*."

Prioriti terpaksa diberi kepada langkah-langkah untuk mencegah segala pelepasan-pelepasan effluen dan pencemaran udara yang lebih ketara akibat daripada kegiatan-kegiatan perindustrian. Berbagai peraturan iaitu termasuk Peraturan Bagi Mencegah Pelepasan Pencemaran Kelapa Sawit, Peraturan Udara Bersih, Peraturan-peraturan Bagi Mencegah Pencemaran Kumbahan dan

Perindustrian Effluen, Peraturan-peraturan Bagi Mencegah Pencemaran Daripada Kilang-kilang Getah, telah dirangka untuk dikuatkuasakan segera. Saya yakin dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan ini masalah-masalah yang ketara dari segi pencemaran air dan udara di negara ini dapat diatasi dengan segera. Berkaitan dengan ini juga, kajian-kajian latar dan kerja-kerja "*monitoring*" sedang dijalankan dengan giatnya untuk menentukan paras-paras pencemaran serta mendapat maklumat-maklumat dan data-data bagi melengkapkan usaha-usaha perancangan program alam sekitar pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu Kementerian saya juga sedang mengusahakan dengan giat lain-lain langkah mencegah pencemaran serta memelihara kualiti alam sekitar untuk jangka masa yang pendek dan juga untuk jangka masa yang panjang. Beberapa peraturan mengenai tempat letak kilang dan lain-lain penempatan aktiviti perindustrian sedang dirangka untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Begitu juga Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sedang merangka garis-garis panduan untuk digunakan oleh sektor-sektor yang berkenaan untuk mengurang dan mengelakkan masalah hakisan tanah dan kelodakan. Suatu jawatankuasa antara jabatan telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah tersebut serta mengulangkaji standard untuk mengekalkan kualiti air yang diperlukan untuk menampung berbagai kegunaan air yang berfaedah.

Berhubung dengan "*environmental impact assessment*" saya ingin menegaskan di sini bahawa perkara ini telah mendapat perhatian Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya. Hasil daripada seminar-seminar dan perbincangan-perbincangan yang diadakan, Bahagian ini telah menyediakan peraturan-peraturan untuk pertimbangan Kerajaan. Perlu saya sebutkan di sini bahawa penyediaan sistem nilai kesan alam sekitar adalah satu perkara yang kompleks dan ianya melibatkan kebanyakan agensi-agensi dan Kementerian-kementerian lain serta juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Oleh itu implikasinya perlu dikaji dengan mendalam sebelum ianya dapat dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, beberapa kaedah penilaian projek yang digunakan dalam sistem kajian alam sekitar yang

formal telahpun diamalkan oleh Bahagian Alam Sekitar terhadap penubuhan kilang-kilang yang mana permohonannya telah dikemukakan kepada Bahagian ini. Namun demikian, sistem ini akan diperkemas lagi dengan wujudnya sistem penilaian kesan alam sekitar yang lebih formal.

Mengenai kempen kesedaran orang ramai, saya memang sedar tentang peranannya untuk melibatkan penyertaan orang ramai dalam program alam sekitar. Oleh itu, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sedang mengusahakan satu program yang komprehensif dengan kerjasama daripada penuntut-penuntut Sebaran Am di Institut Teknologi MARA. Kementerian saya juga telah mengambil kesempatan mengadakan program-program pada hari "Environmental Day" yang bertujuan untuk merapatkan lagi masyarakat kepada program alam sekitar. Selain daripada itu, berbagai rencana mengenai alam sekitar telah disiarkan dari masa ke semasa di dalam akhbar tempatan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini akan ditingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran-teguran dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang iaitu kerosakan muka bumi disebabkan oleh kerja-kerja perlombongan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut Kementerian saya telahpun menubuhkan beberapa jawatankuasa yang berkenaan untuk mengkaji perkara tersebut supaya kerosakan yang disebabkan oleh kerja-kerja perlombongan dapat dikawal dengan harapan jika berlaku pun kerosakan dan pencemaran, ia adalah di peringkat yang paling minima.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Kementerian saya sekarang ini sedang mengambil langkah-langkah mengikut peringkat-peringkat yang tertentu supaya pencemaran dapat dikurangkan. Di samping itu adalah diharapkan semoga Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain juga akan terus memberi kerjasama dalam perkara ini.

5.44 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengulas tentang Parti BERJASA

yang telah disentuh oleh seorang ahli Pembangkang daripada PAS, tetapi walau bagaimanapun sebelum saya memberi pembelaan kepada Parti BERJASA ini, suka lebih dahulu saya memberi jawapan kepada beberapa ulasan yang telah ditujukan kepada Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran yang membina berkenaan dengan perjalanan penguasa-penguasa tempatan di dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson telah menyentuh hasil-hasil yang dikutip oleh Penguasa-penguasa tempatan yang mana menurut beliau tidak mencukupi untuk membekalkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sempurna oleh kerana lebih kurang 75% daripada hasil penguasa tempatan itu digunakan untuk membayar gaji pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja penguasa-penguasa tempatan itu. Saya sukalah menyatakan bahawa Kerajaan menyedari situasi yang timbul terutama sekali daripada kenaikan gaji pegawai-pegawai dan anggota-anggota penguasa-penguasa tempatan akibat penyemakan Gaji Kabinet baru-baru ini dan dengan penuh kesedaran itu Kerajaan Pusat telah bermurah hati memberi peruntukan kepada semua penguasa-penguasa tempatan yang disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan cara geran-geran dan bantuan-bantuan serta juga pinjaman-pinjaman yang samada tanpa faedah ataupun dengan faedah yang rendah. Adalah diharapkan dengan cara penyusunan semula dan bantuan Kerajaan Pusat dengan cara geran-geran, subsidi dan pinjaman-pinjaman penguasa-penguasa tempatan akan mendapat lebih hasil bukan sahaja untuk membayar gaji pegawai-pegawai dan anggota-anggota bahkan juga dengan memberi lebih lagi perkhidmatan-perkhidmatan kepada penduduk-penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka memberi penjelasan terhadap teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh berkaitan dengan kerja-kerja gali-menggali jalan-jalanraya. Ahli Yang Berhormat sekalian mungkin maklum bahawa negara kita pada masa ini sedang

membangun terutama sekali di bandar-bandar kita di mana bangunan-bangunan baru sedang dibina, jalan-jalanraya sedang dilebarkan, paip-paip air, wayar-wayar talipun dan elektrik perlu diganti baru ataupun ditambah dan longkang-longkang perlu diperbesarkan. Oleh hal yang demikian, maka kerja gali-menggali ini terpaksa dijalankan, jikalau tidak akibatnya akan lebih buruk lagi oleh kerana penduduk-penduduk tidak dapat menikmati faedah-faedah daripada pembangunan yang pesat itu. Berkenaan dengan kesesakan Lalulintas pula di Wilayah Persekutuan ini saya sukalah memberi penjelasan bahawa kesesakan ini adalah akibat bertambahnya kenderaan awam yang juga menunjukkan bahawa negara kita bertambah makmur. Kerajaan Pusat dan Dewan Bandaraya sentiasa mengawasi masalah Lalulintas ini dan pada masa ini sedang melaksanakan rancangan-rancangan jangka panjang seperti yang telah diperakukan oleh pakar-pakar perunding antarabangsa umpamanya melaksanakan sistem menyurakan trafik (traffic dispersal scheme) dengan membina jalan-jalan outer ring, middle ring, inner ring dan juga membina jejambat-jejambat, menggantikan bulatan-bulatan dan juga meluaskan jalan-jalan yang sempit. Selain daripada itu apabila usaha-usaha ini telah dilaksanakan Dewan Bandaraya mungkin akan mewujudkan sistem pricing kawasan (area pricing system), dan lampu-lampu isyarat akan dikawal dengan komputer. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bersabarlah sementara pihak Bandaraya mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk mencapai tujuan-tujuan yang dikatakan tadi.

Sekarang saya beralih pula kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuala Lumpur. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum bahawa perumahan awam adalah merupakan satu masalah yang bukan sahaja dihadapi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahkan juga di seluruh negara. Dewan Bandaraya ada mempunyai rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sejumlah 13,801 unit rumah harga murah, di samping itu juga Dewan Bandaraya akan membina rumah panjang di dalam tahun 1978 ini sebanyak 1,500 unit. Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta khususnya pemaju-pemaju perumahan swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah murah.

Sementara itu pula Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ada rancangannya yang berasingan yang saya percaya Ahli-ahli Yang Bernormat semuanya maklum sebagaimana yang tercatat di dalam buku hijau Rancangan Malaysia Ketiga. Di bawah Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ada satu jabatan perumahan yang digelar Jabatan Perumahan Negara yang ditubuhkan semenjak lebih kurang setahun dahulu dan jabatan ini telah membuat rancangan-rancangan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk membina rumah-rumah harga murah dan rancangan-rancangan ini sedang berjalan dengan giatnya. Oleh hal yang demikian Kerajaan tidaklah hendak bercadang membentuk satu lembaga kemajuan perumahan untuk menggantikan Jabatan Perumahan Negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah membangkitkan perkara Jawatankuasa Ulangkaji Kawalan Sewa yang dibentuk pada penghujung tahun 1976. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu Jawatankuasa tersebut telah menyerahkan kepada saya, pada 17hb Mac, 1978 laporannya yang pada ketika ini sedang saya menelitinya. Insya Allah, dalam sedikit masa lagi saya akan mengemukakan laporan itu serta perakuan-perakuan saya untuk timbangan Kabinet. Soal samada kandungan laporan itu akan diumumkan kepada orang awam atau sebaliknya terpulanglah kepada Kabinet untuk memutuskannya.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan perkara penjualan flet harga murah kepada penyewa-penyewa kononnya dengan tujuan untuk menyejatkan lagi pelaksanaan dasar memiliki rumah sendiri sebagaimana yang dilancarkan oleh Kerajaan. Saya sukalah menjelaskan di sini bahawa dasar Kerajaan mengenai "house-owning democracy" ini telah tidak difahamkan oleh orang ramai dengan sewajarnya, khasnya apakah sebenarnya implikasi dasar ini. Walaupun Kerajaan menggalakkan sebagai satu matlamat jangka panjang, sebilangan besar daripada penduduk-penduduknya akan mempunyai rumah sendiri tetapi tidak ada sesebuah negara dalam dunia ini yang berharap boleh mencapai kejayaan sepenuhnya. Apa yang ditegaskan oleh Kerajaan ialah supaya semua penduduk

dalam negara ini akan diberi tempat perlindungan yang tidak semestinya dipunyai oleh penduduk-penduduk sendiri. Dalam perkara ini dasar Rancangan Malaysia Ketiga amatlah jelas dan nyata bersabit dengan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memenuhi hasrat ini iaitu memberi perlindungan yang mencukupi kepada penduduk-penduduknya. Jadi pemaknaan dasar ini adalah berbeza di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Di kawasan dalam bandar oleh sebab flet sewa murah ini mungkin diduduki oleh penghuni-penghuni itu hanya dalam tempoh yang singkat mungkin 6 hingga 10 tahun dan selepas itu mereka akan pindah ke tempat yang besar setelah pendapatannya bertambah, maka flet-flet itu akan dikosongkan dan diberi kepada orang-orang yang miskin dengan cara sewa. Jadi, dasar untuk menjual flet-flet harga murah di bandar tidak sesuai untuk dilaksanakan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat ini akan faham sedalam-dalamnya hasrat Kerajaan berkaitan dengan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang meminta supaya Kementerian memberi geran bantuan kepada penguasa-penguasa tempatan yang belum disusun semula dan dengan pemberian geran ini penguasa-penguasa tempatan akan dapat menyusun semula. Saya berdukacitalah menyatakan bahawa perkara ini telah dikaji dengan sedalam-dalamnya dan telahpun dikemukakan kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang telah memutuskan bahawa geran-geran seperti launching grant dan annual grant hanya boleh diberi kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ini adalah berasaskan kepada fakta bahawa sekiranya sesebuah atau beberapa buah penguasa tempatan itu tidak disusun semula maka pentadbirannya tidak akan menjadi viable dan seberapa banyak geranpun dicurahkan kepada penguasa tempatan itu mungkin akan menjadi membazir sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah membangkitkan perkara berkenaan dengan satu persengketaan yang telah berlaku di antara sebuah syarikat pemaju perumahan dengan setinggan-setinggan di atas tanah syarikat itu di Kampung Chubadak Indah di Sentul. Apa

sebenarnya yang telah berlaku ialah 11 orang setinggan yang baru masuk sedang mendirikan rumah haram di atas tanah syarikat yang berkenaan. Apabila diketahui oleh Syarikat itu maka mereka telah menghantar orang-orang kerjanya merobohkan rumah-rumah berkenaan. Perkara ini telahpun dilaporkan kepada Polis oleh pihak-pihak setinggan yang berkenaan dan Polis sedang membuat penyiasatan. Sememang ada banyak setinggan-setinggan telah mendirikan rumah di atas tanah syarikat ini semenjak 15 tahun dahulu, tetapi saya difahamkan bahawa pihak syarikat telahpun menawarkan setinggan-setinggan itu untuk membeli rumah murah setelah dibina kelak. Walaupun demikian, Kabinet telah meminta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya menguruskan masaalah ini untuk mendapat penyelesaian yang saksama dan memuaskan semua pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi juga telah menyentuh perkara perkhidmatan-perkhidmatan jalan, parit dan lampu di Taynton View. Sebenarnya, Dewan Bandaraya telahpun menjalankan usaha untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini, dan telah mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak yang terlibat di mana persetujuan telah dicapai untuk mengadakan peruntukan wang bagi memperbaiki jalan, menyediakan parit dan lampu jalan di kawasan tersebut. Sejumlah lebih kurang \$768,000 telah diperuntukkan untuk kerja-kerja tersebut dan wang ini adalah sumbangan dari pihak-pihak berikut:

- (a) Sumbangan sebanyak \$400,000 dari pihak pemaju Taynton View.
- (b) Sumbangan sebanyak \$89,000 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- (c) Sumbangan sebanyak \$278,100 oleh penduduk-penduduk di Taman Taynton View (di mana penduduk-penduduk di rumah berderet dikehendaki membayar \$300 bagi 1 yunit dan penduduk-penduduk rumah bunglow dan rumah kedai dikehendaki membayar \$600 tiap-tiap bagi 1 yunit).

Penduduk-penduduk di Taman tersebut tidak seharusnya menyalahkan pihak Dewan Bandaraya mengenai sumbangan yang mereka terpaksa bayar kerana tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan

jalan, parit dan lampu jalan sebenarnya adalah terletak di tangan pihak pemaju Taman tersebut. Mereka seharusnya turut berkorban dan memberi sumbangan untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan. Dewan Bandaraya telah mengemukakan tempahan kepada Lembaga Letrik Negara untuk menyediakan lampu jalan dengan belanja sebanyak \$33,000 dan lampu-lampu tersebut dijangka siap tidak lama lagi. Perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti memotong rumput dan mengangkut sampah adalah dijalankan oleh Dewan Bandaraya dengan memuaskan di Taman ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan perkhidmatan bomba. Sebagaimana yang telah dimaklumkan, Kerajaan Pusat telah mengambilalih semua perkhidmatan bomba negeri-negeri daripada 1-1-76 dan juga perkhidmatan-perkhidmatan bomba penguasa-penguasa tempatan daripada 1-1-77. Sungguhpun tarikh mengambilalih itu ditetapkan pada tarikh-tarikh tersebut tetapi tarikh ambilalih fizikal adalah lebih lewat daripada tarikh-tarikh berkenaan. Bagi Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$10 juta telah dibuat bagi membina balai-balai dan rumah-rumah anggota-anggota bomba. Begitu juga wang sejumlah \$20 juta telah diperuntukkan bagi membeli alat-alat dan kelengkapan seperti kereta bomba, tangga-tangga, dan sebagainya. Saya percaya dalam tempoh baki Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian saya berharap akan mendapat kejayaan dan kemajuan yang disebutkan tadi.

Berkaitan dengan gaji ahli bomba, Ahli Yang Berhormat itu mungkin maklum bahawa Kerajaan baru sahaja meluluskan Sekim Gaji Lapuran Kabinet. Sekiranya benar ada beberapa anomali seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, maka saya berharap mereka yang tidak berpuas hati itu akan mengemukakannya kepada Tribunal Gaji yang baru ditubuhkan oleh Kerajaan.

Berkaitan dengan Akta Bomba saya sukacitalah menyatakan bahawa dua Rang Undang-undang sedang digubal oleh Kementerian saya dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara iaitu Rang Undang-undang

Perkhidmatan Bomba dan Rang Undang-undang Pencegahan Kebakaran. Adalah diharapkan saya akan dapat mengemukakannya kepada Parlimen dalam sidang yang akan datang. Walaupun demikian, peruntukan-peruntukan bagi mencegah kebakaran ada dimuatkan di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan iaitu serupa dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen di dalam tahun 1975 sebagai pindaan kepada Ordinan Lembaga Bandaran dan Ordinan-ordinan yang serupa dengannya.

Berkenaan dengan latihan anggota-anggota bomba saya sukalah menyatakan bahawa Pusat Latihan Bomba di Kuala Kubu Baru sedang memberi latihan "comprehensive" termasuk latihan untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan tinggi, kompleks-komplek dan kilang-kilang. Ini adalah sejajar dengan pembangunan negara kita di mana terdapat di bandar-bandar besar bangunan-bangunan yang tinggi, kompleks-komplek serta kilang-kilang yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menanam lebih banyak pokok bunga di jalan ke arah Bangunan Parlimen. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang ada rancangan di bawah Rancangan Pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menanam pokok-pokok bunga di sepanjang Jalan Parlimen daripada simpang Bank Negara hingga Bangunan Parlimen. Kerjakerja ini akan dijalankan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya di Majlis ini, saya suka menyentuh satu perkara yang telah dibangkitkan oleh seorang Ahli Pembangkang iaitu Ahli dari Kuala Krai tentang Parti BERJASA di mana ianya telah mensifatkan iaitu parti BERJASA sebagai sebuah parti yang berindukkan UMNO. Saya suka menyatakan di sini bahawa Parti BERJASA sebagai sebuah parti politik baru yang berdasarkan Islam yang diberi nama Barisan Jumaah Islamiah Malaysia (bersimbolkan bintang bukan bulan), BERJASA adalah sebuah parti politik yang hendak memupuk muhibbah dan harmoni dan juga kesetabilan di dalam kehidupan politik di Malaysia ini. Parti BERJASA adalah berbeda sekali dengan dasar dan sikap yang diambil oleh

PAS setelah ianya keluar dari Barisan Nasional di mana Parti PAS ini mulai kembali memainkan peranan politik meniupkan semangat permusuhan di antara kaum di negara ini dan juga mulai melancarkan kegiatan-kegiatan untuk merosakkan keharmonian dan juga bekerja untuk mengongcangkan kesetabilan politik yang telah diletakkan batu asasnya di negara ini oleh pemimpin-pemimpin kita yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi adalah terbukti bahawa politik permusuhan antara kaum dan politik berpecahan kepada perpaduan nasional telah ditolak oleh rakyat jelata hatta oleh rakyat negeri Kelantan sendiri yang terkenal sejak turun temurun sebagai pemeluk ugama Islam yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyat Kelantan pada masa ini telah sedar bahawa Islam tidak menggalakkan sama sekali amalan-amalan politik yang curang yang boleh merosakkan negara dan menghancurkan masa depan jenerasi akan datang. Parti BERJASA, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebuah parti yang mempunyai pendiriannya sendiri. Ia dipimpin oleh Jumaah Pimpinan yang mengutamakan syurah, konsep muafakat, bukan mengamalkan dasar paksa dan kepentingan keluarga. Ia akan mencegah amalan-amalan politik yang curang seperti merampas hak rakyat jelata untuk kepentingan satu dua keluarga pemimpin-pemimpin parti. Saya boleh mengatakan di sini dan boleh memperakukan di sini bahawa Parti BERJASA akan bekerjasama dengan UMNO, dan juga dengan lain-lain parti politik demokrat di dalam mengujudkan masyarakat berbagai kaum di dalam negara ini dan akan bekerjasama dengan UMNO dan juga lain-lain parti demokrat yang tidak anti-nasional di dalam mengujudkan kesetabilan politik untuk menjamin ujudnya sebuah pemerintahan yang adil, saksama kepada seluruh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Ahli Yang Berhormat ini telah mengatakan bahawa Parti BERJASA berindukkan UMNO, saya hendak mengatakan di sini bahawa tidak ada induk dan tidak ada anak di dalam kelahiran Parti BERJASA dan dia tidak boleh diperanakkan oleh sesiapa pun dalam kehidupan politiknya pada masa depan. Dan di sini saya suka hendak menegaskan bahawa BERJASA bukan parti yang

akan menggunakan Islam semata-mata sebagai iklan, semata-mata sebagai azimat untuk mendapatkan duit-duit luar negeri untuk kepentingan peribadi-peribadi yang tertentu. BERJASA, Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan oleh peminat-peminat politik Islam yang telah tidak sesuai lagi dan bosan dengan amalan-amalan politik yang bertentangan dengan semangat ukhuwah Islamiah ataupun persaudaraan Islam dan amalan-amalan curang yang bertentangan dengan amanah Islamiah ataupun kejujuran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kuala Kerai ini agaknya lupa bahkan mungkin dia sebenarnya tidak tahu, kerana ia sebenarnya baru sahaja masuk di dalam PAS di mana sebelumnya dia pernah menjadi seorang peminat politik sosialis. Yakni ia tidak tahu bahawa Parti PASlah yang telah ditubuhkan oleh UMNO dilahirkan oleh UMNO pada tahun 1951 dahulu apabila Biro Ugama UMNO yang pada masa itu diketuai oleh Allahyarham Haji Ahmad Fuad bin Hassan menganjurkan perjumpaan alim ulama yang bersidang di bandar Muar, Johor.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Kelantan sebenarnya tidak bodoh dan tidak mudah dikelirukan, tidak mudah dipaksa dan tidak akan makan ugut atau makan upah. Mereka terkenal dengan keperibadian mereka yang kukuh. Mereka telah memberi kepercayaan di dalam pilihanraya baru-baru ini kepada Parti Barisan Nasional dan juga BERJASA untuk memerintah Kelantan, membangun semula Kelantan di dalam era baru. Apa yang penting soalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah peratus BERJASA mendapat undi, berapa peratus Barisan Nasional mendapat undi. Apa yang penting ialah rakyat Kelantan telah menzahirkan hasrat mereka secara seponatan bahawa mereka berkehendakkan pembangunan yang pesat, mereka terutamanya kaum Muslimin di negeri Kelantan telah mengundi BERJASA dan Barisan Nasional kerana mereka tahu dengan mengundi BERJASA dan Barisan Nasional tidak akan merosakkan akidah mereka terhadap Allah. Mereka sanggup mengundi Barisan Nasional dan BERJASA kerana mereka tahu bahawa ini tidak akan menjejaskan keimanan mereka terhadap Islam. Dan mereka tahu bahawa

itu tidak menjadikan mereka fasik, boleh di-cap sebagai fasik, membelakangkan ajaran Al-Quran, kerana mereka tetap berpegang kepada Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat atau sahabat-sahabat yang lain daripada parti itu tidak juga mahu menginsafi ini dan masih mahu menidak-nidakkan budibicara dan kebijaksanaan rakyat Kelantan maka saya boleh menduga di sini nescaya mereka sekali lagi di dalam pilihanraya peringkat Parlimen yang akan datang rakyat Kelantan akan menghukum mereka sekali lagi dengan hukuman yang lebih teruk.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa doktrin Islam dan juga politik Islam bukanlah hak monopoli seseorang ataupun sesebuah parti politik yang tertentu sahaja. Parti BERJASA—Barisan Jumaah Islamiah Malaysia yang dipimpin oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Nasir pemimpin pilihan rakyat Kelantan yang paling popular dalam tahun 1978 ini adalah juga parti politik yang berdasarkan Islam, Islam yang tidak sempit dan Islam yang tidak memecah-belahkan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebagaimana saya telah katakan bahawa dasar parti BERJASA yang dipimpin oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Nasir ini ternyata boleh memberikan sumbangan kepada perpaduan nasional dan juga keharmonian masyarakat berbagai kaum di Malaysia ini dan juga boleh memberikan sumbangan kepada kesetabilan politik negara yang boleh menjamin masa depan jenerasi muda kita di negara ini maka saya, Yang di-Pertua, yang telah menjadi anggota bebas sejak 8hb November, 1977 yang lalu kerana telah terpecat daripada PAS semata-mata kerana saya mengingkari arahan Ketua Parti itu yang ternyata arahan seperti itu telah tidak diterima oleh rakyat Kelantan sendiri dan setelah mengalami satu kehidupan politik selama 4 bulan sebagai "lone ranger" maka saya telah mengambil keputusan pada hari ini iaitu saya akan masuk menjadi ahli Parti BERJASA (*Tepuk*). Saya akan menjadi ahli biasa BERJASA saya akan mulakan career politik saya sebagai private di dalam parti ini dan saya akan memberikan sumbangan kepada perpaduan nasional, kesetabilan politik dan keharmonian kaum dalam negeri ini. (*Tepuk*).

6.10 ptg.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan mereka terhadap Kementerian Penerangan, terutama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan ulasan yang membina demi memperbaiki rancangan-rancangan yang disiarkan oleh Radio dan TV Malaysia. Saya tidak dapat mengulaskan kesemua ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, namun demikian saya suka menyentuh perkara-perkara yang berikut.

Mengenai ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang menyatakan bahawa rancangan ugama Islam, bahasa Tamil di Radio telah memperkecilkan ugama Hindu, perlu saya menerangkan bahawa Radio Malaysia tidak sekali-kali bertujuan untuk memperkecilkan, dan yang sebenarnya tidak pernah pun memperkecilkan, mana-mana ugama—samada ugama Hindu atau lain-lain ugama yang dianuti oleh rakyat kita di Malaysia ini. Sayugia saya terangkan bahawa Rancangan Ugama yang disiarkan di Radio Malaysia adalah, di antara lain, mengenai tafsiran-tafsiran dari Kitab Suci Al-Quran dan peristiwa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya Rancangan Ugama Islam yang disampaikan dalam Bahasa Tamil bagi ditunjukkan kepada rakyat Malaysia yang berugama Islam dan mengerti Bahasa Tamil. Persembahan rancangan tersebut adalah dari sudut Ugama Islam dan bertujuan untuk meninggikan lagi syiar Islam.

Mengenai ulasan beliau terhadap perkhidmatan Suara Malaysia, saya suka menyatakan bahawa pada masa ini Bahasa Tamil belum lagi dianggap perlu digunakan di dalam perkhidmatan ini. Bahasa-bahasa yang lain yang ada disiarkan di Suara Malaysia sekarang ini adalah dirasakan memadai untuk memberikan khidmat yang sewajarnya kepada pendengar-pendengar kita di seberang laut.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyentuh Rancangan Sukan di Radio dan TV Malaysia yang kononnya tidak menggunakan Bahasa Tamil dalam ulasan selari. Saya suka menerangkan bahawa Bahasa

Tamil ada digunakan untuk ulasan selari di dalam rancangan Sukan di Radio Malaysia. Di TV Malaysia pula, hanya Bahasa Malaysia sahaja digunakan dalam Rancangan Sukannya. Ini dibuat oleh kerana di TV gambar-gambar kegiatan sukan itu jelas dapat dilihat dan mudah pula difahamkan oleh para penuntun. Maka ulasan selari dalam Bahasa Malaysia dianggap memadai, tambahan pula cara ini adalah lebih bermakna untuk mencapai tujuan perpaduan negara di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk daripada berbilang kaum dan agama seperti Malaysia ini sikap toleransi di kalangan penduduk-penduduk terutama dari segi agama, perlulah dianggap sebagai perkara-perkara yang sungguh penting. Di samping memajukan rakyat dari segi ekonomi, pelajaran dan kebudayaan, Kerajaan juga sedar bahawa kemajuan kerohanian rakyat boleh mengukuhkan negara dan menentukan keadaan politik yang stabil. Justeru itu Kementerian Penerangan menerusi berbagai jenteranya terutama Radio dan TV membantu Kerajaan dalam usaha memaju dan meninggikan taraf hidup rakyat dari kedua-dua segi kebendaan dan kerohanian. Kesemua media di bawah Kementerian Penerangan memainkan peranan mereka untuk menyemai dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat mengenai hal-hal keagamaan menurut kehendak-kehendak Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukunegara. Siaran-siaran mengenai peristiwa keagamaan seperti hari kebesaran berbagai-bagai agama adalah dibuat dari masa ke semasa. Seperti yang termaklum siaran-siaran tersebut adalah juga meliputi peristiwa hari-hari kebesaran seperti agama Hindu.

Berbalik kepada soal Rancangan Agama Islam dalam Bahasa Tamil di Radio, saya suka menyatakan bahawa RTM telah menerima penghargaan daripada beberapa kumpulan yang lazimnya mengikuti rancangan-rancangan tersebut yang disiarkan di dalam Bahasa Tamil. Ini menunjukkan bahawa rancangan itu telah dapat memuaskan keperluan sebahagian besar daripada pendengar yang mengikuti siaran daripada Rancangan Hijau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh berbagai perkara yang melibatkan di antara lain-lain Jabatan Penerangan, Radio dan TV, soal filem-filem Melayu dan juga masalah filem tempatan. Saya berasa sukacita oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu telah menganggap baik tentang peranan Jabatan Penerangan khususnya khidmat yang disalurkan melalui kereta-kereta Penerangan oleh kerana ada di antaranya yang telah lama dan kurang cekap dan dengan itu tidak dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada penduduk-penduduk tempatan. Kementerian saya telah mengambil langkah untuk menggantikan kereta-kereta Penerangan yang lama itu dengan kereta-kereta yang baru; di samping menambahkan perkhidmatan Penerangan dengan mengadakan kereta-kereta yang lebih moden dan boleh digunakan sebagai pentas bergerak. Beberapa buah pentas bergerak akan bertugas tidak lama lagi dan berkhidmat bagi merapatkan lagi hubungan antara Kerajaan dan rakyat di kawasan-kawasan yang tertentu.

Sebenarnya 23 buah kereta Penerangan yang baru akan diperolehi dalam bulan ini dan bulan hadapan untuk menggantikan kereta-kereta yang lama. Manakala 12 buah kereta yang baru bagi menambahkan bilangan kereta Penerangan yang bertugas kini akan sampai dalam pertengahan tahun ini.

Selain daripada itu 2 buah pentas bergerak akan berkhidmat sebelum akhir bulan ini dan 2 buah lagi akan dibekalkan dalam pertengahan tahun ini; dan dengan itu 4 buah pentas bergerak akan dapat berkhidmat di dalam tahun ini juga.

Mengenai gambar-gambar yang disiarkan di TV Malaysia, saya suka mengulang keterangan yang telah diberi di dalam Dewan yang Mulia ini bahawa rancangan-rancangan daripada terbitan tempatan adalah kira-kira 55% daripada jumlah siaran keseluruhannya—dan bukanlah $\frac{1}{4}$ sahaja sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu. Kementerian Penerangan berazam untuk menambahkan jumlah terbitan tempatan dan sedang pun berusaha untuk meningkatkan sumbangan daripada sumber yang tersebut. Namun demikian usaha tersebut akan mengambil

masa dan bergantung pula bukan sahaja kepada kemampuan pihak RTM sendiri bahkan juga kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan yang terdapat di dalam negara ini.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum gambar-gambar "feature" yang diterbitkan di negara kita khasnya dalam Bahasa Malaysia adalah sangat kurang. Jika menurut jadual yang ditentukan oleh pihak RTM kita memerlukan kira-kira 50 buah filem untuk setahun agar penuntut-penuntut dapat melihat "feature film" dalam Bahasa Malaysia (atau filem-filem yang serupa) atau kadar purata satu dalam masa seminggu.

Kementerian Penerangan memandang ke hadapan dengan penuh harapan kepada penubuhan Perbadanan Filem Nasional yang telah dicadangkan oleh Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya telah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, akan kesanggupan Kementerian ini untuk memberikan kerjasama dan bantuan agar penubuhan badan seperti ini dapat menghasilkan filem-filem tempatan yang sewajarnya, di samping meninggikan mutu seniman dan teknik perfileman yang boleh dibanggakan oleh negara. Yang sebenarnya Kementerian ini sendiri, menerusi Filem Negara Malaysia, telahpun menyumbangkan kemudahan-kemudahan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan bagi membolehkan mereka itu mengeluarkan filem-filem tempatan yang lebih banyak dan yang bermutu tinggi. Kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Filem Negara akan dilanjutkan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan seluruhnya. Bukan setakat itu sahaja malah Kementerian ini, menerusi TV Malaysia, akan menayangkan filem-filem tempatan yang sesuai untuk penuntut-penuntut andainya bekalan filem-filem itu memenuhi kehendak-kehendak dari RTM.

Masalah kekurangan filem-filem Melayu untuk ditayangkan di TV Malaysia bukanlah disebabkan semata-mata oleh kekurangan filem-filem Melayu yang diterbitkan dalam negara ini sahaja. Soal kesanggupan daripada pembekal-pembekal dan juga soal kadar sewaan yang tinggi pun menjadi masalah yang dihadapi oleh TV Malaysia, kerana ada kalanya pihak-pihak pembekal filem-filem itu tidak sanggup memberi sewa filem-filem mereka kepada TV Malaysia atas

sebab-sebab perniagaan. Dan ada kalanya kadar sewa sebuah filem itu terlalu tinggi dan tidak dianggap menasabah pada peraturan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan. Jadi, untuk mengatasi kekurangan dan masalah yang saya sebutkan tadi pihak RTM terpaksa mencari sumber-sumber lain seperti daripada Indonesia, Hong Kong, Australia, Pakistan, India, negara-negara Asia Barat dan juga daripada negara-negara Eropah dan Amerika untuk mendapatkan filem-filem yang dianggap sesuai bagi memenuhi selera pihak penuntut. Sebagai yang termaklum selera penuntut kita adalah berbeza dari tempat ke tempat atau dari orang ke orang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, menerusi penyelidikan-penyelidikan yang dilaksanakan secara saintifik dari masa ke semasa, mengetahui selera penuntut-penuntut TV yang berbeza-beza itu dan telahpun menyusun rancangan-rancangan agar bersesuaian dengan selera-selera itu. Namun demikian saya akui bahawa penghasilannya adalah belum lagi memuaskan. Itulah sebabnya maka Kementerian ini telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri bagi menilai dan memperbaiki rancangan-rancangan Radio dan TV dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu telah menyentuh perkara laporan yang disampaikan oleh Radio Malaysia mengenai keputusan-keputusan Pilihanraya Kecil Negeri Kelantan baru-baru ini. Saya mengambil ingatan di atas ulasan dan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, di samping menjelaskan bahawa Radio Malaysia telah membuat liputan menyiarkan keputusan-keputusan tersebut dengan keadaan serta kemudahan-kemudahan yang terhad. Namun demikian kita akan cuba memperbaiki masalah ini pada masa-masa hadapan kalau yang serupa itu ujud sekali lagi.

Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh soal bahasa di Radio dan juga di TV yang disiarkan di Sabah, saya tidak berhajat untuk membuat ulasan lanjut oleh kerana:

Pertamanya, saya sudah menyediakan jawapan kepada soalan beliau mengenai perkara yang sama di Dewan Rakyat pada

Penggal ini; dan keduanya, kerana kandungan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tuaran dan dari Bandau di Dewan Yang Mulia ini pada 27hb Mac dan 29hb Mac yang lalu, pada anggapan saya, walaupun menyoalkan "credibility" kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mengenai soal bahasa dan juga mengenai Parti Berjaya.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, secara memberikan penerangan agar rakyat tidak terkeliru akibat kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu di Dewan Yang Mulia ini pada 24hb Mac, 1978 yang lalu, saya suka memaklumkan bahawa pada masa ini tidak ada perkhidmatan yang diberi nama Radio Sabah kerana perkhidmatan tersebut telahpun berakhir dalam tahun 1963 dahulu dan digantikan dengan perkhidmatan Radio Malaysia Kota Kinabalu. Demikian juga perkaranya mengenai TV di Sabah. Ada pun TV Sabah tidak ujud dan perkhidmatan TV yang meliputi negeri Sabah dan Sarawak ialah sebenarnya TV Malaysia Rangkaian Ketiga dan TV Malaysia Rangkaian Nasional. Mengenai Radio di Sabah pada satu ketika dahulu, semenjak Sabah memasuki Malaysia, rancangan-rancangan berbahasa China tidak disiarkan. Apakala Radio Malaysia Kota Kinabalu bermula, Kementerian ini telah menetapkan dari tahun 1976 masa siaran bagi rancangan-rancangan dalam berbagai bahasa seperti Bahasa Kadazan dan Bahasa China disiarkan. Bagi rancangan berbahasa China siarannya ialah berjumlah satu jam sehari iaitu 30 minit di waktu pagi dan 30 minit lagi di waktu petang.

Mengenai perkhidmatan TV bagi negeri Sabah dan Sarawak, TV Malaysia Rangkaian Ketiga adalah rangkaian TV Malaysia yang tunggal bagi kedua-dua negeri itu. Dasar

penyiarannya adalah serupa dengan Rangkaian Pertama di Semenanjung Malaysia iaitu bahasa persembahannya (termasuk rancangan Berita) dibuat dalam Bahasa Malaysia sahaja. Justeru itu perkara TV Malaysia Rangkaian Ketiga, sepertimana Rangkaian Nasional yang dipancarkan ke negeri Sabah dan Sarawak, menyiarkan Berita dalam Bahasa China tidaklah timbul.

Sayugia disebutkan juga bahawa perkembangan mengenai perkara Radio dan TV di negeri Sabah (seperti juga di negeri Sarawak) dalam masa 10 tahun dari tarikh kedua-dua negeri itu menjadi sebahagian daripada negara Malaysia adalah hal-hal yang dijadikan bahan perundingan antara Kerajaan Pusat dan negeri-negeri tersebut itu menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan atau "Inter-governmental Committee" yang berkenaan.

Mengenai soal siaran keputusan TOTO dan Loteri, yang disebutkan dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya suka mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana telah memberi penghargaan kepada Kementerian ini atas tindakan menghentikan siaran-siaran keputusan mengenai perkara tersebut. Dalam

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh sambung esok.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok, hari Rabu, 5hb April, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.